

ELEMEN DIDAKTISISME DALAM SIRI ANIMASI
UPIN DAN IPIN: AKU SEBUAH BUKU.
SATU PENELITIAN MELALUI TEORI SEMIOTIK

NUR LIYANA MASTURAH BINTI ZAMRI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN 2024

KELANTAN



Universiti Malaysia
KELANTAN

**ELEMEN DIDAKTISISME DALAM SIRI ANIMASI
UPIN DAN IPIN: AKU SEBUAH BUKU.
SATU PENELITIAN MELALUI TEORI SEMIOTIK**

Oleh:

NUR LIYANA MASTURAH BINTI ZAMRI

NAMA PENSYARAH:

TS. DR. MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

/

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhadap yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

000509-06-0680

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 22 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

Nama Penyelia

Tarikh: 25 Februari 2024

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah SWT tuhan semesta alam yang menguasai langit dan bumi. Selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Pertama sekali, saya panjatkan rasa syukur kepada Yang Maha Berkuasa kerana memberikan saya kekuatan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini kerana tanpa bantuan-Nya kajian ini tidak akan terhasil. Segala halangan dan cabaran sepanjang menghasil kajian ini saya jadikan iktibar dan pedoman agar dapat memperbaiki diri ke arah yang lebih baik di masa akan datang. Seterusnya ucapan ribuan terima kasih kepada guru yang telah banyak berdedikasi mengajar hinggakan terhasilnya kajian ini, Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman. Terima kasih atas segala tunjuk ajar akan saya kenang dan saya disini juga mengambil kesempatan untuk memohon maaf seandainya ada perkara mengores di dada sepanjang sesi pembelajaran. Serta halalkan segala ilmu yang telah diajar selama ini kepada saya dan juga rakan-rakan seperjuangan saya. Terima kasih sekali lagi, jasamu akan sentiasa dikenang.

Ucapan terima kasih tidak lengkap jika tidak diberikan penghargaan kepada kedua ibu bapa, ahli keluarga, sahabat seperjuangan serta sesiapa sahaja yang menolong secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang penghasilan kajian ini. Kata-kata semangat yang diberikan menjadikan kajian ini berjaya dihasilkan.

Setiap usaha yang yang dilakukan untuk menghasilkan kajian ini diharap memberikan sedikit sumbangan kepada pengkaji lain untuk mengisi kelompangan yang ada dalam kajian ini. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian.....	4
1.5 Objektif Kajian.....	5
1.6 Kepentingan Kajian.....	5
1.7 Batasan Kajian.....	6
1.8 Definisi Istilah dan Konsep.....	6
1.9 Organisasi Kajian.....	8
1.9.1 Bab Satu	8
1.9.2 Bab Dua	8
1.9.3 Bab Tiga.....	9
1.10 Kesimpulan	9
BAB 2.....	11
2.1 Pengenalan.....	11
2.2 Kajian Berkaitan Tokoh	11
2.3 Kajian Berkaitan Karya.....	17
2.4 Kajian Berkaitan Teori Semiotik	23
2.5 Kajian Berkaitan Bidang Lain	29
2.6 Kesimpulan	34
BAB 3.....	35
3.1 Pengenalan.....	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Kaedah kajian	37

3.3.1 Kaedah Kepustakaan	37
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	38
3.3.3 Sumber Internet.....	39
3.4 Teori Semiotik.....	40
3.4.1 Ciri Teori Semiotik	41
3.4.2 Teori Semiotik Peirce	42
3.5 Kerangka Kajian.....	44
3.6 Kesimpulan	47
BAB 4.....	48
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	48
4.1 Pengenalan.....	48
4.2 Elemen Didaktisisme dalam Siri Animasi <i>Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku</i>	50
4.2.1 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Syair Menerusi Teori Semiotik.....	51
4.2.2 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Seloka Menerusi Teori Semiotik.....	56
4.2.3 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Gurindam Menerusi Teori Semiotik	61
4.2.4 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Pantun Menerusi Teori Semiotik	65
4.3 Kesimpulan	70
BAB 5.....	71
5.1 Pengenalan.....	71
5.2 Rumusan Kajian.....	71
5.3 Implikasi Kajian.....	74
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian.....	75
5.4.1 Orang Awam Memberikan Sokongan kepada Karya Sastera Animasi.....	75
5.4.2 Peruntukan Khas dari Kerajaan kepada Penggiat Sastera Menceburi Bidang Animasi	76
5.4.3 Karya Sastera sebagai Bahan Utama Penghasilan Karya Animasi.....	77
5.4.4 Pengkaji Lain Memberikan Sumbangan Idea dalam Memajukan Bidang Sastera.....	78
5.5 Kesimpulan	79
LAMPIRAN.....	80
RUJUKAN	81

**Elemen Didaktisisme Dalam Siri Animasi *Upin Dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.
Satu Penelitian Melalui Teori Semiotik**

ABSTRAK

Didaktisisme merupakan nilai pengajaran yang terdapat dalam karya sastera bertujuan untuk mendidik. Unsur didaktisisme sangat penting bagi melahirkan generasi muda untuk mengenali nilai-nilai pendidikan dalam kehidupan seharian. Animasi merupakan salah satu media untuk mengembangkan pengetahuan mereka mengenai elemen pengajaran dalam karya sastera. Kelompangan kajian didaktisisme dalam animasi tempatan yang ketara merupakan factor utama kajian ini dijalankan. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi tempatan *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku* serta mengkaji setiap elemen didaktisisme dalam siri animasi ini menggunakan teori Semiotik Peirce. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual dengan menerokai kajian lepas serta sumber internet bagi mengukuhkan hujah kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa terdapat unsur didaktisisme yang dominan dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* kerana mempunyai unsur pembelajaran yang dapat diambil dari pantun, syair, gurindam dan seloka. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendapati setiap perlambangan nilai didaktisisme boleh ditakrifkan menggunakan teori Semiotik Peirce dengan tepat. Diharapkan kajian ini dapat membuka minda pihak yang terlibat untuk menerokai bidang sastera dalam animasi agar generasi muda lebih menghargai dan mampu mengembangkan bidang sastera seiring dengan peredaran zaman.

Kata Kunci: Didaktisisme, Sastera, Animasi, *Upin dan Ipin*, Pendidikan, Semiotik Peirce



**Didacticism Elements In The Animated Series *Upin And Ipin: Aku Sebuah Buku*.
Research Through Semiotic Theory**

ABSTRACT

Didacticism is a literary value that aims to educate readers, especially younger generations, about the educational aspects of daily life. One way to expand their knowledge of didacticism is through animation. This study aims to identify the elements of didacticism in the local animated series *Upin and Ipin*, specifically in the episode *Aku Sebuah Buku*. The study uses Peirce's Semiotic theory to examine every didacticism element in the series. The research method used is qualitative through librarianship and textual analysis methods by exploring past studies and internet resources. The study found that *Upin and Ipin: Aku Sebuah Buku* had a dominant didacticism element due to its learning elements that could be drawn from the verse, poetry, gurindam, and seloka. Additionally, the study found that every symbolism of didacticism values could be accurately defined using Peirce's Semiotic theory. The hope is that this study will encourage those involved to explore literature in animation further so that the younger generation can appreciate and develop the literary field in line with the times.

Keywords: Didacticism, Literature, Animation, *Upin and Ipin*, Education, Peirce Semiotics

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia. Bahasa Melayu merupakan salah satu warisan yang diperturunkan nenek moyang yang perlu dijadikan kebanggaan setiap warganegara. Keindahan dalam sastera Melayu mempunyai nilai tempatan yang tinggi kerana dapat melihat corak kehidupan nenek moyang yang tidak hanya tertumpu kepada berbudi bahasa malahan cantik elok susun katanya. Salmah (1981) menjelaskan sastera sebagai satu seni yang dapat digayakan menerusi pengalaman. Setiap seni yang diperagakan mempunyai nilai yang tertentu yang perlu dinilai maknanya agar dapat impak yang lebih efisien kepada penerus akan datang.

Animasi merupakan sebuah gambar yang boleh bergerak yang terhasil dari gambar itu sendiri, sebuah model atau perkara yang dilakukan menggunakan komputer (*Cambridge dictionary* edisi ketiga, 2008). Penghasilan animasi pada mulanya dibentuk dalam dua dimensi, namun seiring berkembangnya teknologi moden animasi kini terdapat dalam lima jenis dimensi yang dihasilkan menggunakan komputer mahupun CGI (*computer-generated imagery*).

Siri animasi *Upin dan Ipin* yang mula bersiaran pada tahun 2007 yang dihasilkan oleh sebuah syarikat animasi tempatan iaitu *Les' Copaque Production* yang dihasilkan oleh pasangan suami isteri iaitu Hj. Burhanuddin Radzi dan Hjh. Ainon Ariff yang turut serta menyumbang suara dalam watak sampingan siri animasi popular ini. Pada mulanya siri animasi ini berkisahkan mengenai dua anak kembar dalam menjalani kehidupan mereka sepanjang berpuasa di bulan Ramadhan untuk

memberikan gambaran awal kepada anak-anak di Malaysia mengenai kepentingan berpuasa dan mengajak anak-anak kecil turut sama berpuasa. Pada musim ketiga penayangan siri animasi ini berjaya mengorak langkah ke persada anatarabangsa dan ditayangkan di *Disney Channel Asia* dan lebih berfokuskan kepada kehidupan mereka bersama rakan-rakan.

Semiotik merupakan sebuah pemahaman mengenai tanda atau perlambangan yang menyentuh perihal kemasyarakatan, kebudayaan serta sebuah perlambangan yang mempunyai makna tertentu. Teeuw (1984) menjelaskan Semiotik sebagai sebuah bentuk komunikasi yang dipertanggungjawabkan yang bukan sahaja menyentuh dari aspek pemahaman huruf malahan pemahaman dalam menyampaikan mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi menilai elemen didaktisisme yang terkandung dalam salah sebuah episod *Upin dan Ipin* yang berjudul *Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik. Berdasarkan hasil dari sorotan kajian lepas, tajuk kajian ini masih kurang diterokai mana-mana individu.

Perwatakan seseorang melambangkan sebuah jati diri yang membawa kepada kesan pertama ketika orang melihatnya. Menurut Thomas Lickona (2013) dengan melihat karakter dapat melihat nilai kebudayaan sebuah masyarakat sama ada secara peribadi atau berkumpulan. Siri animasi *Upin dan Ipin* sudah sehati dengan nilai kemasyarakatan Malaysia. Berlatarbelakangkan kampung menjadikan siri animasi ini terasa dekat dengan penduduk Malaysia. Bukan itu sahaja orang luar negara dapat mempelajari norma -norma dalam masyarakat di Malaysia.

Siri animasi *Upin dan Ipin* seringkali mengangkat elemen didaktisisme yang berunsurkan pendidikan di dalamnya, dengan kewujudan watak Jarjit, seorang warganegara Malaysia berbangsa

India yang gemar berpantun dalam setiap tutur katanya. Hal ini jelas menunjukkan nilai positif yang ditampilkan pihak yang terlibat dalam mengembangkan pengetahuan kepada kanak-kanak yang menontonnya. Setiap episod mempunyai nilai penting yang ingin disampaikan, namun sedikit berbeza dengan episod *Aku Sebuah Buku* yang menampilkan seorang sasterawan negara. Pada tempoh ini sekiranya kanak-kanak didedahkan dengan kepentingan mempelajari bidang sastera dan mengenali sasterawan negara pasti akan menghasilkan warganegara yang cinta akan bahasa ibundanya.

Teori Semiotik digunakan bagi melihat setiap perlambangan yang mengandungi elemen didaktisisme dalam siri animasi kanak-kanak ini. Kesesuaian bahasa dan lenggok bicara yang dilontarkan menjadikan kajian ini perlu dikaji bagi melihat kepentingan memasukkan elemen didaktisisme dalam siri animasi popular bukan sahaja di dalam negara malahan di persada antarabangsa bagi mengangkat kesusasteraan Melayu itu sendiri.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai siri animasi *Upin dan Ipin* ini tidak diragukan lagi telah banyak diterokai oleh pengkaji lepas, namun dalam bidang sastera khususnya elemen didaktisisme dalam episod *Upin dan Ipin Aku Sebuah Buku* masih kurang dikaji. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pengkaji lain untuk mendalami elemen didaktisisme dalam animasi tempatan.

Pengkaji mendapati bahawa dari musim pertama hingga musim ke enam belas siri animasi *Upin dan Ipin* banyak memasukkan elemen didaktisisme ke dalam jalan penceritaannya. Namun, elemen didaktisisme yang dominan dari musim berikut ialah dari episod *Seronoknya Membaca*, *Kisah Sang Gembala dan Biri-biri*, *Nenek Si Bongkok Tiga*, *Jambatan Ilmu*, *Disebalik tabir* dan

Pesta Pantun. Kesemua episod yang dinyatakan mempunyai elemen didaktisisme yang ketara namun kebanyakannya menyentuh mengenai cerita rakyat berbeza dengan episod *Aku Sebuah Buku* yang menampilkan kepentingan mempelajari elemen didaktisisme khususnya untuk tujuan pendidikan dengan lebih mendalam serta penampilan istimewa tokoh sasterawan negara Zurinah Hassan menjadikan pengkaji lebih tertarik untuk menfokuskan elemen didaktisisme yang terdapat dalam episod *Aku Sebuah Buku*.

Pengkaji turut melihat pengaruh yang dibawa bidang animasi ini sedikit sebanyak merencanakan lagi industri kesusasteraan negara. Animasi yang ditonton bukan sahaja di dalam negara malahan mendapat tempat dihati penonton luar negara seperti di Indonesia, Singapura dan Brunei yang telah membuka minda pengkaji mengenai pengaruh yang dibawa oleh animasi dalam memperkenalkan budaya tempatan kepada dunia luar. Rata-rata dari animasi tempatan yang sangat jarang memasukkan elemen didaktisisme ke dalam pembuatannya. Oleh sebab itu, pengkaji ingin meneroka segala elemen didaktisisme yang terdapat dalam episod *Aku Sebuah Buku*, *Upin dan Ipin*.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang telah menjadi tanda tanya dalam pemikiran pengkaji untuk melakukan kajian lebih mendalam mengenai tajuk ini iaitu:-

1.4.1 Apakah elemen didaktisisme yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin*

Aku Sebuah Buku?

1.4.2 Adakah setiap perlambangan yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin*

Aku Sebuah Buku dapat dikaji berdasarkan teori Semiotik Peirce?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama yang menyebabkan pengkaji merasa perlu untuk melakukan kajian ini adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut: -

1.5.1 Mengenal pasti elemen didaktisisme yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin*:

Aku Sebuah Buku.

1.5.2 Menganalisis setiap perlambangan yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin*:

Aku Sebuah Buku berdasarkan teori Semiotik Peirce.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai salah satu dari siri animasi terkenal *Upin dan Ipin* dalam memasukkan elemen didaktisisme ke dalam episod *Aku Sebuah Buku*. Siri animasi yang ditonton bukan sahaja kanak-kanak malahan orang dewasa turut terhibur dengan telatah dua anak kembar bersama rakan-rakannya menempuhi hari-hari mereka di Kampung Durian Runtuh. Keistimewaan yang ditampilkan dalam salah sebuah episod animasi popular ini adalah dengan penampilan istimewa Zurinah Hassan yang merupakan sasterawan negara ke-13. Menerusi episod ini dapat dilihat keunikan yang dibawa siri animasi *Upin dan Ipin* ini. Di sini bermulanya kesedaran untuk mengkaji mengenai elemen didaktisisme yang perlu dipupuk oleh penggiat sastera khususnya dalam menghasilkan sesebuah karya. Dengan kepopularan siri animasi ini sedikit sebanyak dapat mengangkat martabat sastera ke peringkat global secara umumnya dan mendidik anak-anak tempatan mengenali sasterawan negara secara khususnya.

Kepentingan kepada sastera itu sendiri sebagai sebuah elemen yang perlu dipupuk dan dipelihara oleh setiap peringkat lapisan masyarakat. Kesedaran terhadap sastera akan lebih meningkat dengan kewujudan episod ini yang turut menyentuh cara mendeklamasikan pantun kepada anak muda dan penghayatan kepada setiap bait-bait kata yang disampaikan oleh sasterawan negara. Sudah tiba masanya kita mendidik anak bangsa untuk mencintai dan menghargai setiap keunikan dan kehebatan bahasa kita dengan menghayati nilai-nilai didaktisisme sejak muda. Bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

1.7 Batasan Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, beberapa batasan kajian akan ditetapkan agar tidak melangkaui sasaran kajian yang dijalankan. Kajian yang dilakukan terbatas hanya dalam siri animasi *Upin dan Ipin* episod 34, 35 dan 36 dalam musim ke-12 yang berjudul *Aku sebuah Buku*. Pengkaji diberikan tempoh dua ke tiga bulan sahaja untuk menyiapkan projek ini. Dengan itu, pengkaji membuat batasan kajian hanya mengkaji elemen didaktisisme dalam episod *Aku Sebuah Buku* sahaja.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang terbatas pada episod *Aku Sebuah Buku* dalam siri animasi *Upin dan Ipin*. Kajian ini menggunakan teori Semiotik iaitu perlambangan sesebuah makna yang akan memperlihatkan setiap elemen didaktisisme yang terdapat dalam episod tersebut sahaja tanpa menyentuh elemen lain.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep ialah kata kunci yang memberikan idea tentang fokus kajian, memastikan ia teratur dan kekal dalam tujuan utama kajian. Menurut Mana Sikana (2015), penyelidikan adalah asas untuk individu mengembangkan kebolehan intelek. Penyelidik hendaklah menjalankan proses

penyelidikan secara teratur, tekun, dan sistematik. Definisi istilah dan konsep juga mengenal pasti istilah penting yang digunakan dalam kajian ini seperti:

1.8.1 Didaktisisme

Salmah (1981) menjelaskan sastera sebagai sebuah seni yang dipelajari melalui pengalaman. Seni yang terbit dari pengalaman ini menjadikan sastera itu sendiri dapat dinilai di tahap maksimal kerana terdapat unsur sendiri dalam sesebuah karya. Bidang sastera merupakan bidang yang berunsurkan pendidikan yang dinamakan didaktisisme. Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005) menjelaskan didaktisisme merupakan unsur pengajaran dalam sesebuah karya sastera yang memberikan pendidikan sebagai unsur utama. Nilai pendidikan yang terdapat dalam didaktisisme juga merangkumi moral, etika atau soal keagamaan.

1.8.2 Animasi

Cambridge dictionary, edisi ketiga mendefinisikan animasi terhasil dari sebuah gambar yang bergerak dengan menggunakan gambar itu sendiri. Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat pula mendefinisikan animasi sebuah proses yang membuatkan sesuatu gambar kelihatan hidup. Animasi mula dibentuk dalam dua dimensi hinggalah ke hari ini mempunyai lima dimensi.

Les' Copaque Production merupakan syarikat yang bertanggungjawab dalam penghasilan siri animasi *Upin dan Ipin*. Anak kembar yang membesar di sebuah kampung bernama Durian Runtuh dijadikan elemen utama siri animasi ini. Telatah dan ceritanya bersama kawan-kawannya telah menambat hati penonton bukan sahaja di Malaysia malahan di negara jiran seperti Indonesia, Brunei dan Singapura.

1.8.3 Semiotik

Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat menjelaskan Semiotik merupakan kajian mengenai lambang atau tanda yang dapat memberikan makna sebaliknya. Menurut Teeuw (1984) Semiotik menjadi tanggungjawab bersama kerana memberikan pemaknaan bukan sahaja dari sudut pemahaman huruf malahan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat khususnya kerana Semiotik menyentuh perihal kemasyarakatan, kebudayaan serta sebuah perlambangan yang mempunyai makna tertentu.

1.9 Organisasi Kajian

Organisasi kajian dilakukan bagi memudahkan pengkaji melihat susun atur kajian yang dijalankan agar kelihatan tersusun dan rapi. Kajian ini mengandungi tiga bab seperti yang diterangkan di bawah:

1.9.1 Bab Satu

Bab ini berisi ringkasan pendahuluan yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian dan kesimpulan.

1.9.2 Bab Dua

Bab ini akan mencakupi kajian literatur yang merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang jelas seperti pengkajian berkaitan Semiotik dalam animasi, pengkajian mengenai siri animasi *Upin dan Ipin*, pengkajian tentang teori Semiotik dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.9.3 Bab Tiga

Dalam bab ini, pula akan menguraikan metodologi penelitian, khususnya menyoroti pendekatan yang digunakan untuk melakukan penelitian. Kaedah yang dipilih untuk penelitian ini adalah pendekatan kualitatif, dengan menggunakan analisis literatur dan pengumpulan data dari berbagai sumber internet. Kaedah analisis pula akan menggunakan laman sesawang yang memaparkan episod *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*, kajian mengenai teori Semiotik dan kesimpulan.

1.9.4 Bab Empat

Bab empat akan menjawab setiap persoalan dan objektif kajian dengan menganalisis setiap perlambangan elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Bab ini juga akan memperlihatkan adakah setiap objektif dapat tercapai ataupun sebaliknya.

1.9.5 Bab Lima

Pada bab ini merupakan penutup kepada kajian ini dengan menyatakan kesimpulan secara khusus kepada kajian ini serta cadangan yang diusulkan kepada pihak-pihak yang terlibat agar bidang kajian ini dapat berjalan lebih pesat seiring perubahan waktu.

1.10 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan unsur didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi popular *Upin dan Ipin* yang diketengahkan khusus kepada kanak-kanak yang menontonnya. Pelbagai persoalan yang timbul mengenai elemen didaktisisme khususnya dalam siri animasi di Malaysia, penerapannya dan pemaknaan dalam sesebuah episod itu diterjemahkan dalam bentuk animasi. Pengkaji merasakan setiap elemen yang terdapat dalam episod tersebut perlu dilihat dengan terperinci agar pemaknaan yang cuba disampaikan kepada kanak-kanak khususnya dapat diaplikasikan.

Disebabkan masih kurang kajian mengenai elemen didaktisisme dalam animasi, pengkaji merasa terpanggil untuk mengetengahkan perihal ini bagi memberi ruang dan keperluan kepada pengkaji lain yang berminat dalam bidang ini meneruskan kajian mengenainya. Tambahan pula, dengan melihat tahap animasi yang tempatan yang semakin ke depan menjadikan kajian ini sebagai salah satu kajian yang diperlukan di masa akan datang. Dengan itu, diharapkan kajian yang lebih mendalam mengenai bidang ini dapat dijalankan agar dapat mengisi setiap kekosongan mengenai animasi dalam sastera khususnya pada masa akan datang.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan penyatuan pelbagai sumber maklumat yang diperolehi menerusi sumber sekunder seperti bahan bacaan ilmiah, keratan akhbar dan pelbagai sumber lain yang berkaitan dengan kajian bagi mendalami setiap permasalahan kajian yang dijalankan. Dalam membina sebuah idea yang menarik dan berkesan perlulah melalui proses menilai hasil penemuan pengkaji terdahulu mengenai topik yang dipilih agar dapat sokongan yang lebih utuh mengenai kajian yang dijalankan. Dalam bab ini memperlihatkan kajian-kajian lepas mengenai tokoh yang mengkaji mengenai didaktisisme dalam animasi, karya pilihan *Upin dan Ipin*, teori Semiotik dan kajian berkaitan bidang selain sastera. Semua kajian lepas yang dipilih adalah dari dalam dan luar negara. Sesudah pengumpulan data melalui sorotan kajian dijalankan, didapati bahawa terdapat beberapa kajian lepas yang mempunyai persamaan yang kajian yang telah dilakukan pengkaji. Meskipun begitu, masih terdapat beberapa kekosongan yang perlu dilihat bagi sejajar dengan objektif kajian ini.

2.2 Kajian Berkaitan Tokoh

Tokoh Teori Semiotik

Halina Sendera Mohd. Yakin dan Andreas Totu pada tahun 2014 telah menulis disertasi tajuk kajian “Perspektif Semiotik Peirce dan Saussure: Ringkasan kajian perbandingan”. Diterbitkan dalam *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, Universiti Malaysia Sabah. Tujuan kajian lepas ini

dijalankan bagi membuat sebuah analisis perbandingan antara dua perspektif sarjana terkemuka mengenai teori Semiotik. Pengkaji lepas menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menilai kajian-kajian lepas mengenai pandangan dua tokoh terkemuka teori Semiotik ini. Dapatan kajian ini menunjukkan, komunikasi dan Semiotik mempunyai perkaitan yang sangat jelas kerana berkongsi banyak konsep yang sama seperti simbol, makna, lisan dan bukan lisan dan juga kod. Pendekatan Semiotik merupakan salah satu cara yang sesuai digunakan untuk mana-mana budaya dengan melihat proses komunikasi yang juga merupakan fenomena budaya. Jelaslah bahawa, terdapat perbezaan yang ketara antara pengkaji lepas dengan pengkaji kerana pengkaji lepas hanya menumpukan kajian mengenai pandangan dua tokoh teori Semiotik sahaja manakala, pengkaji mengkaji elemen didaktisisme yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dengan menggunakan teori Semiotik.

Mana Sikana pada tahun 2001 telah menulis kajian bertajuk “Teori Semiotik: tanda bahasa dan wacana sastera”. Diterbitkan dalam Jurnal Bahasa: Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan makna teori Semiotik dalam perlambangan tanda bahasa dan wacana sastera. Kajian menggunakan teori Semiotik sebagai subjek utama kajian dengan menggunakan penelitian deskriptif kualitatif. Kajian lepas ini mendapati bahawa teori Semiotik dapat membantu menyelesaikan makna-makna dalam penulisan kerana mempunyai prinsip, kaedah dan contoh yang jelas. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas menumpukan kajian mengenai teori Semiotik sahaja berbeza dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin* menggunakan teori Semiotik.

Nur Azliza Mohd Nor dan Nur Afifah Vanitha Abdullah pada tahun 2020 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu”. Diterbitkan dalam jurnal *Akademika*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi memberikan tumpuan kepada kajian-kajian lepas mengenai empat filem U-Wei yang bersifat protagonis iaitu *Perempuan, Isteri &...* (1993), *Black Widow-Wajah Ayu* (1994), *Buai Laju-Laju* (2004) dan *Hanyut* (2016). Kajian lepas ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meninjau kajian-kajian lepas dengan mengaplikasikan beberapa teori antaranya ialah teori feminisme, Semiotik dan psikologi. Kajian lepas ini mendapati bahawa kajian-kajian lepas telah berjaya menjawab persoalan yang timbul dan dapat membantu melihat watak protagonis dalam\ karya U-Wei dengan lebih menyeluruh dan dari pelbagai sudut pandang yang berbeza. Kesimpulannya, kajian lepas ini telah menggunakan teori Semiotik dengan sokongan pendekatan lain seperti feminisme dan psikologi serta membuat kajian dalam bidang perfileman manakala, pengkaji menggunakan satu teori sahaja iaitu teori Semiotik dan mengkaji dalam bidang animasi namun masih dalam konteks sastera.

Dian Nurrachman pada tahun 2001 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Teks Sastra dalam Perspektif Semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce”. Diterbitkan dalam *Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberikan gagasan bahawa untuk memahami teori perlulah memahami falsafah di sebalik teori tersebut. Kajian ini menggunakan teori Semiotik sebagai bahan utama perbincangan dengan menggunakan penelitian deskriptif kualitatif. Kajian lepas ini mendapati bahawa teori Semiotik mampu membezakan setiap perlambangan yang mempunyai unsur-unsur dan gejala-gejala tekstual yang dilihat sebagai sesuatu yang bermakna. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas menumpukan kajian mengenai teori Semiotik

sahaja berbeza dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dengan menggunakan teori Semiotik.

Ika Sari Rahayu tahun 2021 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Analisis Kajian Semiotika dalam Puisi Chairil Anwar Menggunakan Teori Charles Sanders Peirce”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Komunikasi. Objektif utama kajian ini adalah untuk menyelami alam rumit puisi Chairil Anwar dan mengungkap makna asas tanda-tanda dalaman melalui aplikasi teori semiotik Charles Sanders Peirce. Menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, kajian lepas ini membuah hasil dalam menyerlahkan penggabungan subjek yang mendalam dan bermakna dalam bentuk ikon, indeks dan simbol. Selain itu, kajian lepas ini menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian pengkaji iaitu dipandu oleh teori Semiotik. Namun begitu, adalah penting untuk diperhatikan bahawa wujud perbezaan yang ketara antara pengkaji lepas iaitu pengkaji meneroka unsur sastera dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* manakala pengkaji lepas mengkaji Puisi Chairil Anwar, walaupun kedua-dua kajian menggunakan teori Semiotik.

Tokoh Animasi

Ahmad Zamzuri Mohamad Ali pada tahun 2021 telah menulis sebuah artikel mengenai “Ulasan buku: From mouse deer to mouse: 70 years of Malaysian animation”. Diterbitkan dalam *animation: an interdisciplinary journal*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Kajian lepas ini dihasilkan bagi membuat satu ringkasan mengenai buku sejarah perjalanan bidang animasi tempatan. Pengulas buku ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dalam penulisannya bagi mengukuhkan fakta dan mempunyai perkaitan dengan kajian lepas. Dapatan dari ulasan menunjukkan perkembangan teknologi dan inovasi yang telah mempengaruhi industri animasi

tanah air. Individu yang banyak menyumbang jasa dalam bidang animasi tempatan juga diceritakan bagi mengenang jasa mereka seperti, Hassan Muthalib yang merupakan individu pertama yang menulis buku mengenai animasi tempatan kerana telah menceburi bidang ini selama 45 tahun daripada 70 tahun industri ini menapak di Malaysia. Jelaslah bahawa ulasan buku yang dihasilkan pengkaji menceritakan serba sedikit mengenai sejarah animasi dan tokoh yang terlibat dalam mengembangkan industri ini. Berbeza dengan kajian pengkaji yang mengkaji animasi tempatan namun melihat dari sudut pandang sastera.

Mijan, Rohana Abdullah, Noor Aziah pada tahun 2021 telah menulis sebuah kajian kes mengenai “Peranan Penjenamaan Digital dalam Meningkatkan Prestasi Ekuiti Jenama: Kajian Kes *Les’ Copaque Production*”. Diterbitkan dalam Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRE), Universiti Utara Malaysia. Kajian lepas ini dihasilkan bagi membuat satu ringkasan mengenai perjalanan syarikat *Les’ Copaque Production* dalam menjadi salah satu syarikat animasi yang masih relevan hingga ke hari ini. Pengkaji lepas menggunakan kaedah temu bual pemilik syarikat itu sendiri untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian lepas mendapati bahawa setiap usaha yang dilakukan dengan bantuan barisan tenaga kerja yang hebat berjaya menghasilkan sesuatu yang menguntungkan bukan sahaja kepada diri sendiri malahan kepada masyarakat setempat. Jelaslah bahawa kajian lepas memfokuskan kepada syarikat animasi *Upin dan Ipin* sahaja, berbeza dengan pengkaji yang mengkaji satu episod dari siri animasi ini dengan melihat dari sudut pandang sastera.

Thomas Barker dan Lee Yuen Beng telah melakukan kajian pada tahun 2017 telah menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “*Making Creative Industries Policy*”. Diterbitkan dalam Jurnal

Kajian Malaysia, Universiti Sains Malaysia. Kajian lepas ini dijalankan untuk menganalisis secara kritis dasar yang telah diperkenalkan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) serta industri kreatif yang dilaksanakan hingga kini. Pengkaji lepas menggunakan analisis Semiotik oleh Charles Sanders Peirce. Dapatan kajian lepas menunjukkan industri kreatif dapat disokong dan memberikan makna baru dengan kewujudan idea-idea dari syarikat animasi itu sendiri. Jelas di sini, pengkaji lepas lebih memfokuskan kepada pembangunan yang telah dilaksanakan oleh (DIKN) dalam industri kreatif negara manakala pengkaji mengetengahkan elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku*.

Fazrul Sandi Purnomo telah melakukan kajian pada tahun 2016 telah menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “Analisis Nilai–Nilai Pendidikan Karakter dalam Film *Upin dan Ipin* Produksi Les’ Copaque Tahun 2010”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Kajian lepas ini dijalankan untuk mengetahui nilai-nilai pendidikan karakter dalam siri animasi *Upin dan Ipin* yang diproduksi oleh Les’ Copaque pada tahun 2010. Pengkaji lepas menggunakan kaedah deskriptif dalam kajiannya. Dapatan kajian lepas menunjukkan siri animasi *Upin dan Ipin* mengandungi nilai-nilai pendidikan karakter serta nilai patriotisme yang diberi perhatian khusus dalam siri animasi ini. Jelas di sini, pengkaji lepas mengkaji nilai karakter yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* berbeza dengan pengkaji yang memfokuskan kepada episod *Aku Sebuah Buku* dalam siri animasi ini untuk menilai elemen didaktisisme yang terdapat dalam episod tersebut.

Fadli Abdullah dan Md Sidin Ahmad Ishak yang melakukan kajian pada tahun 2010 telah menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “Pembangunan Sektor Animasi di Malaysia: Pendidikan

dan Latihan Animasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam”. Diterbitkan dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia. Kajian lepas ini dijalankan untuk mengkaji lebih mendalam mengenai pembangunan sumber manusia bagi sektor animasi di institusi pengajian tinggi awam. Pengkaji lepas menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dalam kajiannya. Dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat keperluan besar untuk mengembangkan dan menambah baik program yang telah sedia ada bagi melatih bakat tempatan dalam memenuhi keperluan industri animasi. Jelas di sini, pengkaji lepas menumpukan pembangunan animasi di institusi pengajian tinggi awam manakala pengkaji menerokai elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* dalam konteks sastera.

2.3 Kajian Berkaitan Karya

Prisca Budi Juvtasari telah melakukan kajian pada tahun 2020 telah menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “Representasi perpustakaan dan pustakawan dalam filem serial animasi *Upin dan Ipin, Aku Sebuah Buku: Sebuah analisis Semiotik*”. Diterbitkan dalam Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi, Universiti Islam Negeri Sayyid Ali Rahmatullah Tulungagung, Indonesia. Kajian lepas ini dijalankan untuk memberikan gambaran realiti sebenar perpustakaan dan pustakawan dalam bentuk animasi melalui siri animasi *Upin dan Ipin*. Pengkaji lepas menggunakan analisis Semiotik oleh Charles Sanders Peirce dengan melaksanakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian lepas menunjukkan gambaran sebenar pustakawan dan pengunjung dengan bermacam ragam manusia ketika berkunjung ke perpustakaan yang pada akhirnya pengkaji lepas memberikan ulasan mengenai kepentingan memupuk minat membaca dan menghargai bahan ilmiah. Jelas di sini, pengkaji lepas lebih memfokuskan kepada situasi dalam perpustakaan itu sendiri berbanding dengan kajian pengkaji yang melihat dari sudut pandang sastera walaupun menggunakan episod dan kaedah kajian yang sama.

Fina Mahabbatillah pada tahun 2020 telah menulis disertasi dalam kajian yang bertajuk “Analisis aktiviti perpustakaan dalam filem animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Satu penelitian teori Semiotika Roland Barthes”. Diterbitkan dalam Pustaka Karya: Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi, Tujuan kajian lepas ini dijalankan adalah untuk mengetahui setiap rutin aktiviti perpustakaan menerusi siri animasi *Upin dan Ipin, Aku Sebuah Buku*. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif dengan menggunakan kaedah Semiotik untuk melihat dua tahap konotasi-denotasi. Kajian lepas ini menunjukkan cara penyusunan, penyimpanan dan juga penjagaan setiap bahan bacaan ilmiah yang terdapat dalam perpustakaan yang dijaga dengan rapi. Bukan itu sahaja, pelayanan yang diberikan oleh pustakawan kepada pengunjung yang baik, menepati masa dalam pembukaan dan penutupan perpustakaan serta memberikan maklumat tambahan yang berguna kepada pengunjung perpustakaan. Jelaslah Bahasa, walaupun pengkaji menggunakan kaedah kajian dan metodologi yang sama dengan pengkaji namun kajian lepas tertumpu kepada pengurusan perpustakaan mengenai bahan bacaan ilmiah dan interaksi dengan pengunjung, berbeza dengan pengkaji yang ingin meninjau unsur sastera yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin, Aku Sebuah Buku*.

Siti Khodijah, Mustopa Kamal dan Yosep Farhan Dafik Sahal dalam kajian mereka pada tahun 2020 yang bertajuk “Analisis nilai-nilai pendidikan Islam dalam filem serial anak *Upin dan Ipin* musim ke-10”. Diterbitkan dalam Tarbiyah al-Aulad: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji setiap nilai Islam yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam musim ke-10. Kajian lepas ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan semiotik. Hasil kajian lepas menunjukkan nilai pendidikan agama

mengenai kecintaan kepada Tuhan sebagai Maha Pencipta. Nilai pendidikan akhlak turut diterapkan dalam animasi *Upin dan Ipin* khususnya dalam musim ke-10 dan nilai pendidikan ibadah yang dipertontonkan hususnya untuk golongan kanak-kanak. Jelaslah bahawa, dalam kajian lepas tertumpu kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin* musim ke-10. Namun begitu, pengkaji mengkaji unsur sastera dan dibataskan kepada episod *Aku Sebuah Buku* sahaja.

Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim pada tahun 2015 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Citra wanita Melayu dalam Cerita animasi kanak-kanak *Upin dan Ipin*”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Utara Malaysia. Tujuan kajian lepas ini dilakukan bagi melihat watak wanita yang ditampilkan ke dalam animasi dan seterusnya memberikan pelajaran kepada kanak-kanak mengenai watak wanita yang sebenarnya. Kajian ini menggunakan teori feminisme bagi menonjolkan sifat sebenar kaum wanita dan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan kontradiksi bagi pernyataan wanita bersifat lemah kerana didapati imej wanita dalam siri animasi yang dikaji bersifat positif terhadap segala halangan yang ditempuh serta menonjolkan keperibadian mulia seorang wanita khususnya perihal keagamaan dan kehidupan seharian. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* sebagai karya yang ingin dikaji serta mengkaji dari sudut pendidikan penonton majoriti iaitu kanak-kanak. Namun begitu, pengkaji lepas menggunakan pendekatan feminisme bagi melihat representasi watak wanita, manakala dalam kajian pengkaji menggunakan teori Semiotik supaya dapat melihat perlambangan sesebuah makna dalam konteks sastera.

Miftakul dan Janah pada tahun 2021 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Analisis Nilai Karakter Pada Media Film Kartun *Upin Dan Ipin*”. Kajian ini telah diterbitkan dalam *Raden Intan Repository*. Objektif kajian lepas adalah untuk menilai kesesuaian filem animasi *Upin dan Ipin* sebagai sumber pendidikan untuk pembangunan watak. Penyelidikan ini menggunakan teknik kualitatif dan melibatkan temu bual dengan pelajar untuk mengumpul data yang relevan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran watak yang berperanan sebagai teladan yang positif merupakan faktor signifikan yang menjadikan animasi ini sangat sesuai digunakan sebagai alat pembelajaran. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* sebagai karya yang ingin dikaji serta mengkaji dari sudut pendidikan penonton majoriti iaitu kanak-kanak. Namun begitu, pengkaji lepas mengkaji dari aspek karakter dalam animasi ini manakala dalam kajian pengkaji mengkaji elemen didaktisisme yang dikhususkan dalam episod *Aku Sebuah Buku*.

Nur Ifititahul Husniyah pada tahun 2017 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Tantangan Globalisasi Pendidikan Islam”. Kajian ini telah diterbitkan dalam *Jurnal Pemikiran Islam*. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk memberikan pengenalan kepada kanak-kanak mengenai kepentingan menyampaikan mesej moral yang baik khususnya dalam pendidikan agama Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan animasi *Upin dan Ipin* diangkat sebagai ikon contoh untuk melahirkan lebih banyak produk yang berpaksikan agama Islam sebagai landasan plot cerita yang menyampaikan makna yang baik. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* sebagai karya

yang ingin dikaji. Namun begitu, pengkaji lepas mengkaji dari aspek karakter dari sudut pandang agama Islam manakala dalam kajian pengkaji mengkaji elemen didaktisisme yang dikhususkan dalam episod *Aku Sebuah Buku*.

Muhammad dan Noor Hidayat pada tahun 2015 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Hubungan Antara Motif Pencarian Kepuasan, Kualiti Tayangan Dengan Tingkat Kepuasan Khalayak Terhadap Tayangan *Upin-Ipin*”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Universiti Diponegoro. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk mengetahui hubungan antara motif pencarian kepuasan, kualiti penayangan serta tahap kepuasan masyarakat terhadap penayangan siri animasi *Upin dan Ipin*. Kajian ini menggunakan teori *Uses and Gratification* melalui kaedah campuran antara kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak merasakan pembawakan karakter yang dekat kerana jalan cerita yang ringan dan menghiburkan diselitkan dengan pengajaran yang membantu pembelajaran kanak-kanak. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* sebagai karya yang ingin dikaji. Namun begitu, pengkaji lepas mengkaji dari aspek tahap kepuasan penonton ketika menonton siri animasi *Upin dan Ipin* berbeza dengan kajian pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.

Pratiwi dan Arinda Gita pada tahun 2017 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Hubungan Antara Sikap Terhadap Tayangan *Upin Ipin* dan Empati Pada Anak”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Universiti Muhammadiyah Malang. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk mengetahui hubungan antara sikap kanak-kanak ketika penayangan siri animasi *Upin dan*

Ipin dengan sifat empati kepada anak. Kajian ini menggunakan teknik analisis korelasi *product moment* oleh Karl Pearson untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan yang signifikan sikap kanak-kanak yang mempunyai rasa empati yang lebih banyak ketika menyaksikan siri animasi *Upin dan Ipin*. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* untuk menilai sifat empati kanak-kanak. Berbeza dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme sastera dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik.

Muhammad Saleh dan Hayana tahun 2018 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Pengaruh Film Animasi *Upin dan Ipin* terhadap Pembentukan *Self Concept* Siswa di Sdn 5 Padang Lampe Kabupaten Pangkep”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Media Komunikasi dan Dakwah. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk mengkaji maksud mesej yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin* serta pengaruhnya dalam pembentukan konsep sendiri pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah *research experiment* dengan pendekatan kuantitatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa siri animasi *Upin dan Ipin* telah membawa pengaruh positif dalam pembentukan konsep sendiri pelajar. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* untuk menilai pengaruh animasi ini dalam konsep sendiri pelajar. Berbeza dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik.

Diamah Fitriyyah tahun 2023 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Representasi Keanekaragaman Suku Bangsa Pada Tokoh Kartun *Upin Ipin*”. Kajian ini telah diterbitkan dalam

Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk mengkaji kepelbagaian kaum menerusi animasi *Upin dan Ipin* Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa siri animasi *Upin dan Ipin* dapat memberikan gambaran mengenai keharmonian kehidupan bermasyarakat walaupun berbilang kaum. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu menggunakan siri animasi *Upin dan Ipin* untuk mengkaji kepelbagaian kaum yang terdapat dalam siri animasi ini. Berbeza dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik.

2.4 Kajian Berkaitan Teori Semiotik

Ni Wayan Sartini pada tahun 2007 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Tinjauan Teoritik tentang Semiotik”. Diterbitkan dalam Jurnal Unair: Masyarakat Kebudayaan dan Politik, Universiti Airlangga, Indonesia. Tujuan kajian ini dijalankan bagi meninjau setiap aspek yang terdapat dalam teori Semiotik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meninjau kajian-kajian lepas mengenai Semiotik. Dapatan kajian lepas ini menunjukkan bahawa setiap perlambangan atau tanda mempunyai makna yang perlu diteliti supaya dapat mengelakkan salah faham mengenai sesuatu perkara. Pengkaji lepas menegaskan bahawa Semiotik merupakan kajian yang meliputi semua tanda-tanda yang bukan sahaja mengarah kepada tanda-tanda visual malahan tanda yang bersifat implisit (tersirat) juga dikategorikan sebagai Semiotik. Tanda juga dapat diungkap melalui kata-kata, bunyi-bunyi serta bahasa tubuh. Oleh itu, kajian lepas yang dijalankan tertumpu kepada kajian Semiotik sahaja manakala pengkaji mengkaji unsur sastera yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dengan menggunakan teori Semiotik.

Jyh Wee Sew pada tahun 2016 menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Analisis Kajian Sastera: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan”. Diterbitkan dalam Jurnal Akademika, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian lepas ini dijalankan bertujuan untuk menilai kualiti novel Anwar Ridhwan menerusi teori Semiotik untuk melihat dengan secara jelas mengenai idea kepengarangan dalam novel ini. Pengkaji lepas menggunakan kaedah kualitatif dengan melihat hasil kajian lepas mengenai kajian ini untuk meninjau kesinambungan idea dalam Novel Anwar Ridhwan ini. Kajian lepas ini mendapati bahawa, terdapat banyak kesalahan teknikal yang terdapat dalam Novel Anwar Ridhwan dari segi kesalahan ejaan hingga ke penelitian yang kurang dipandang serius pada bahagian bibliografi. Jelaslah bahawa pengkaji lepas telah mengaplikasikan pendekatan Semiotik dalam kajiannya. Namun begitu, terdapat perbezaan yang ketara mengenai kajian yang dijalankan pengkaji lepas iaitu dengan mengupas permasalahan dalam sebuah novel manakala kajian yang dijalankan pengkaji mengenai unsur sastera yang terkandung dalam siri animasi tempatan, *Upin dan Ipin*.

Ariff Mohamad pada tahun 2015 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Pengungkapan keperibadian secara simbolik dalam dua novel Melayu”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendeta, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur-unsur simbol keperibadian yang terdapat dalam buah novel Melayu iaitu Ratab Rabitah dan Anak Mat Lela Gila menggunakan teori Semiotik Peirce. Kajian lepas ini menggunakan kaedah kualitatif untuk merungkai setiap perlambangan yang terdapat dalam keperibadian dalam dua buah novel yang dikaji. Dapatan kajian ini menunjukkan dalam novel yang dikaji, watak Rabitah dan Mat Lela masing-masing membawa identiti dan mempunyai tujuan berbentuk sinis yang cuba diangkat pengarang. Secara kesimpulannya, pengkaji lepas telah mengangkat watak dalam dua novel Melayu

menggunakan pendekatan Semiotik manakala pengkaji ingin meninjau unsur sastera yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik.

Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan pada tahun 2020 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Keindahan simbol dan makna dalam pantang larang masyarakat Melayu”. Diterbitkan dalam *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan setiap perlambangan dan pemaknaan yang terdapat dalam pantang larang masyarakat Melayu. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan melihat sumber kepustakaan dan analisis teks yang berkaitan kajian. Kajian lepas ini mendapati bahawa pantang larang yang diberikan oleh masyarakat terdahulu bertujuan untuk mencorakkan gaya hidup dan sebagai panduan sehari-harian. Jelaslah bahawa, kajian lepas mengkaji unsur perlambangan dan pemaknaan yang terkandung dalam pantang larang masyarakat Melayu manakala, pengkaji menghuraikan unsur sastera dalam animasi tempatan *Upin dan Ipin*.

Tri Pujiati tahun 2015 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Analisis Semiotika struktural pada iklan *Top Coffee*”. Kajian ini telah diterbitkan dalam *Jurnal Sasindo Unpam*. Objektif utama kajian lepas adalah untuk menjalankan analisis menyeluruh terhadap iklan *Top Coffee* menggunakan Semiotik struktur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, menggunakan teori Charles Sanders Peirce dan Ferdinand de Saussure. Hasil kajian menunjukkan bahawa persembahan visual iklan tersebut adalah canggih dan sesuai dari segi budaya untuk penggemar kopi dalam masyarakat setempat. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu teori Semiotik sebagai panduan kajian untuk mengkaji nilai perlambangan pada iklan kopi. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk

diambil perhatian bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara pengkaji lepas dengan kajian pengkaji yang menganalisis unsur sastera dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*, walaupun kedua-duanya menggunakan teori Semiotik sebagai asas kajian mereka.

Linda Amalia tahun 2018 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Unsur Semiotik pada Kumpulan Puisi *Melihat Api Bekerja* Karya M. Aan Mansyur”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan, Kebahasaan dan Sastra Indonesia. Tujuan kajian lepas ini dilakukan untuk mengetahui unsur Semiotik yang terdapat dalam puisi *Melihat Api Bekerja* karya M. Aan Mansyur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan menggunakan teori Semiotik Charles Sanders Peirce. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa setiap perlambangan dalam puisi ini mempunyai makna yang tertentu seperti simbol yang terdapat dalam puisi ini menunjukkan kehidupan masyarakat sehari-hari. Menerusi kajian lepas ini, menunjukkan jalinan persamaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu teori Semiotik sebagai panduan kajian untuk mengkaji perlambangan dalam kumpulan puisi *Melihat Api Bekerja* Karya M. Aan Mansyur. Namun terdapat perbezaan yang ketara antara pengkaji lepas dengan pengkaji yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* walaupun menggunakan teori Semiotik.

Ika Mustika dan Heri Isnaini tahun 2018 telah menulis disertasi tajuk kajian iaitu “Konsep Cinta pada Puisi-Puisi Karya Sapardi Djoko Damono: Analisis Semiotika Charles Sanders Peirce”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Humaniora. Objektif utama kajian lepas adalah untuk mengkaji bagaimana konsep cinta digambarkan dalam puisi Sapardi Djoko Damono dan menganalisis kepentingan tanda yang digunakan dalam puisi tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, menggunakan teori Semiotik oleh Charles

Sanders Peirce. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa untuk memahami seseorang itu mesti terlebih dahulu memahami hakikat cinta yang sebenar dan menerapkannya dalam tafsiran pantun. Kajian lepas ini selari dengan kajian pengkaji yang turut menggunakan teori Semiotik Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperhatikan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara pengkaji terdahulu iaitu pengkaji menfokuskan untuk mengkaji unsur sastera dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*, manakala pengkaji lepas mengkaji mengenai puisi karya Sapardi Djoko Damono walaupun kedua-dua kajian menggunakan teori Semiotik.

Yusup Irawan dan Nabilah Hanifah Az-Zahra pada tahun 2020 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Makna Bunga Mawar Pada Film *Beauty and The Beast* Dalam Bingkai Teori Semiotik Roland Barthes”. Diterbitkan dalam *Kelasa: Kelibat Bahasa dan Sastra*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan makna bunga mawar dalam filem *Beauty and the Beast*. Kajian menggunakan teori Semiotik Roland Barthes yang memfokuskan kepada perlambangan denotasi, konotasi dan mitos menerusi penelitian deskriptif kualitatif. Kajian lepas ini mendapati bahawa perlambangan antara bunga mawar merah dan bunga mawar putih dalam filem *Beauty and the Beast* membawa makna kasih sayang dan ketulusan. Jelaslah bahawa, perbezaan kajian lepas adalah pengkaji lepas menggunakan filem *Beauty and the Beast* sebagai subjek utama kajian manakala pengkaji menggunakan animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* sebagai subjek utama kajian walaupun kedua-duanya menggunakan teori Semiotik dengan metodologi kajian deskriptif kualitatif.

Yasa Aulia Putri, Syafwandi, Riri Trinanda pada tahun 2018 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Analisis Semiotika Visual Animasi *Upin & Ipin* Episod: *Ikhlas Dari Hati*”.

Diterbitkan dalam Jurnal Desain Komunikasi Visual. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendeskripsikan visual dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Ikhlas dari hati*. Kajian ini menggunakan teori Semiotik melalui penelitian analisis kualitatif deskriptif interpretatif. Kajian lepas ini mendapati bahawa animasi *Upin dan Ipin* mempunyai strategi komunikasi visual yang baik dalam penciptaan karakter, warna dan pergerakan. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas menumpukan kajian komunikasi visual dari siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Ikhlas dari Hati* manakala pengkaji menilai dari sudut elemen didaktisisme dalam episod *Aku Sebuah Buku* dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dengan menggunakan pendekatan yang sama iaitu teori Semiotik melalui analisis kualitatif.

Hasan Basori pada tahun 2021 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Representasi Sifat Manusia dalam Karakter Animasi Studi Analisis Semiotika Dalam Film Animasi: *The Angry Birds*”. Diterbitkan dalam Jurnal Ilmu Komunikasi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sifat manusia yang dipersembahkan dalam bentuk animasi *The Angry Birds Movie*. Kajian ini menggunakan teori Semiotik Roland S. Barthes yang tertumpu kepada pemaknaan denotasi dan konotatif melalui penelitian analisis kualitatif deskriptif. Kajian lepas ini mendapati bahawa terdapat makna konotatif dan denotasi yang memiliki penciptaan karakter, warna dan penampilan fizikal yang baik. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas mengkaji mengenai karakter manusia dalam filem animasi *The Angry Birds Movie* manakala pengkaji menilai elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* dengan menggunakan pendekatan yang sama iaitu teori Semiotik melalui analisis kualitatif.

2.5 Kajian Berkaitan Bidang Lain

Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khodijah Abdul Rahman, Nurul Nadhirah Shahabudin pada tahun 2018 telah menulis disertasi dalam kajian bertajuk “Teknologi multimedia dalam pendidikan abad 21”. Diterbitkan dalam Persidangan Pengurusan & Inovasi Penyelidikan Antarabangsa Ke-5, Putrajaya, Malaysia. Tujuan kajian lepas ini dihasilkan adalah untuk meninjau kajian lepas yang telah dilakukan mengenai multimedia dalam pendidikan. Bukan itu sahaja, pengkaji lepas juga melihat peranan teknologi multimedia dan menyenaraikan kepentingan serta potensi multimedia dalam penggunaan teknologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif untuk mendapatkan dapatan kajian. Dapatan kajian lepas mendapati bahawa teknologi multimedia dijadikan sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang berkesan bagi menarik minat dengan gabungan pelbagai elemen seperti teks, audio dan grafik bagi memberikan kefahaman yang lebih terhadap anak murid. Jelaslah bahawa, elemen teknologi dilihat seiring dalam kajian pengkaji yang mengkaji animasi tempatan *Upin dan Ipin* sebagai salah satu bahan bantuan mengajar kepada kanak-kanak. Namun begitu, pengkaji mengkaji dalam konteks sastera dengan melihat unsur sastera yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin, Aku Sebuah Buku*.

Siti Zulaidah Salsidu, Mohamed NorAzhariAzman dan Hendri Pratama pada tahun 2018 telah menulis disertasi dalam kajian “Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: satu sorotan literatur”. Objektif kajian ini adalah untuk melihat corak perubahan dalam pembelajaran ketika menggunakan multimedia sebagai wadah pembelajaran. Kajian ini menggunakan teori konstruktivisme dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan melihat hasil dapatan kajian lepas sebagai pemandu arah dalam kajian ini. Kajian

lepas ini mendapati multimedia sangat berguna sebagai bahan bantu mengajar bagi memudahkan pelajar memahami sesuatu perkara secara visualisasi dan memberikan satu nilai tambah pada masa hadapan agar pendidikan seiring dengan arus pemodenan. Jelaslah bahawa, walaupun kajian lepas mengkaji mengenai teknologi dalam pendidikan namun teori yang digunakan tidak selari dengan kajian pengkaji yang menggunakan teori Semiotik untuk mengkaji unsur sastera dalam siri animasi.

Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim dan Shamsudin Othman pada tahun 2016 telah menulis disertasi yang bertajuk “Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid PROBIM”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Objektif kajian lepas ini adalah untuk memperoleh dapatan kajian mengenai penggunaan multimedia interaktif terhadap kemahiran membaca dalam kalangan pelajar Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Kajian lepas ini menggunakan pendekatan secara deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik untuk meninjau statistik penggunaan multimedia kepada pelajar program ini. Dapatan kajian lepas ini menunjukkan keberkesanan yang efektif mengenai pembelajaran menggunakan multimedia ditambah pula dengan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Kesimpulannya, pengkaji lepas menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik untuk melihat statistik tahap keberkesanan penggunaan multimedia manakala pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dalam kajian pengkaji.

Ronaldi Saleh, Fadilahwati Abdul Rahman, Fattawi Mokhtar dan Nor Aziah Alias pada tahun 2005 telah menulis disertasi yang bertajuk “Menggunakan Animasi di dalam Instruksi Khas untuk Kanak-Kanak Disleksia”. Diterbitkan dalam Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia. Objektif

kajian lepas ini adalah untuk menghuraikan pendekatan reka bentuk animasi dalam pembelajaran yang berteraskan multimedia interaktif. Kajian lepas ini menggunakan pendekatan secara deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik serta temubual bersama tenaga pengajar yang terpilih untuk meninjau statistik penggunaan multimedia kepada pelajar. Dapatan kajian lepas ini menunjukkan kebolegunaan dan nilai pembelajaran yang positif telah terhasil menerusi kajian lepas ini. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik untuk melihat statistik tahap keberkesanan penggunaan multimedia dalam kalangan pelajar manakala pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dalam kajian pengkaji serta menggunakan animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* sebagai landasan kajian pengkaji untuk menilai didaktisisme.

Sry Anggia dan Nenny Mahyuddin pada tahun 2020 telah menulis disertasi yang bertajuk “Pengaruh Penggunaan Media Film Animasi *Upin dan Ipin* Terhadap Perilaku Sosial Anak di Taman Kanak-Kanak Aisyiyah Padang Panjang”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Tambusai. Objektif kajian lepas ini adalah untuk menghuraikan pengaruh media siri animasi *Upin dan Ipin* dalam tingkah laku sosial kanak-kanak. Kajian lepas ini menggunakan penelitian secara kuantitatif eksperimen dengan menggunakan teknik Quasi eksperimen dengan menggunakan sepenuhnya animasi dan pengawalan kelas dalam media konvensional. Dapatan kajian lepas ini menunjukkan penggunaan media animasi yang dipertontonkan memberikan pengaruh sosial kepada kanak-kanak. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas mengkaji perilaku sosial kanak-kanak selepas menonton siri animasi *Upin dan Ipin* manakala pengkaji menilai didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.

Nur Qomariah Panjaitan, Elindra Yetti dan Yuliani Nurani pada tahun 2020 telah menulis disertasi yang bertajuk “Pengaruh Media Pembelajaran Digital Animasi dan Kepercayaan Diri terhadap Hasil Belajar Pendidikan Agama Islam Anak”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini. Objektif kajian lepas ini adalah untuk mengetahui pengaruh media pembelajaran digital animasi dan kepercayaan diri terhadap hasil belajar Pendidikan Agama Islam. Kajian lepas ini menggunakan penelitian secara kuantitatif eksperimen dengan menggunakan teknik *cluster sampling*. Dapatan kajian lepas ini menunjukkan data yang signifikan terhadap interaksi media pembelajaran digital dan kepercayaan diri hasil Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. Secara jelasnya, pengkaji lepas mengkaji pengaruh media animasi terhadap pembelajaran kanak-kanak selepas mempelajari Pendidikan Agama Islam manakala pengkaji menilai dari aspek didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin*.

Mazarul Hasan, Norazimah Zakaria dan Norazilawati Abdullah pada tahun 2019 telah menulis disertasi yang bertajuk “Nilai Pendidikan dalam Bahan Pengajaran Multimedia Kartun Animasi *Upin dan Ipin* untuk Murid Sekolah Rendah”. Diterbitkan dalam *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*. Objektif kajian lepas ini adalah untuk mengenal pasti unsur pendidikan ataupun nilai yang terdapat dalam bahan multimedia kartun animasi *Upin dan Ipin*. Kajian lepas ini menggunakan teori konstruktivisme melalui penelitian secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian lepas menunjukkan untuk membina modal insan yang cemerlang pada masa hadapan, perlulah menerapkan nilai-nilai murni yang khusus dalam bahan pembelajaran. Secara jelasnya, pengkaji lepas mengkaji unsur pendidikan yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* manakala pengkaji mengkaji didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* yang dikhususkan pada episod *Aku Sebuah Buku*.

Muhamad Jaelani pada tahun 2020 telah menulis disertasi yang bertajuk “Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Film Animasi *Upin Dan Ipin*”. Diterbitkan dalam *Journal of Islamic Education*. Objektif kajian lepas ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam siri animasi ini. Kajian lepas ini menggunakan penelitian secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian lepas menunjukkan nilai-nilai Islam yang ketara diterapkan dalam siri animasi *Upin dan Ipin* untuk membentuk akhlak dan peribadi kanak-kanak khususnya. Secara jelasnya, pengkaji lepas mengkaji nilai-nilai Islam yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* manakala pengkaji mengkaji didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* yang dikhususkan pada episod *Aku Sebuah Buku*.

Romi Pasrah, Nana Ganda dan Ahmad Mulyadiprana pada tahun 2020 telah menulis disertasi yang bertajuk “Nilai-Nilai Karakter yang Terdapat dalam Film Animasi *Upin dan Ipin* Episod: Jembatan Ilmu”. Diterbitkan dalam Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Guru Sekolah Dasar. Objektif kajian lepas ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai karakter yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Jembatan Ilmu*. Kajian lepas ini menggunakan penelitian secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian lepas menunjukkan karakter yang ditunjukkan memberikan impak positif dengan memperlihatkan nilai bertanggungjawab, sifat kepedulian, jujur serta cintakan tanah air. Secara jelasnya, pengkaji lepas menumpukan kepada karakter dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Jembatan Ilmu* manakala pengkaji mengkaji didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.

Andriana Ridho dan Murdiantopada tahun 2020 telah menulis disertasi yang bertajuk “Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Peduli Sosial dalam Film Animasi *Upin dan Ipin* (Musim Sembilan Tajuk *Kedai Makan Upin dan Ipin*)”. Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan, Sosial dan Agama. Objektif kajian lepas ini adalah untuk mengkaji nilai-nilai pendidikan sosial yang terdapat dalam episod *Kedai Makan Upin dan Ipin*. Kajian lepas ini menggunakan penelitian secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian lepas mendapati terdapat empat nilai pendidikan dalam episod ini iaitu nilai agama, nilai moral, nilai sosial dan nilai budaya. Jelaslah bahawa, pengkaji lepas menumpukan kepada karakter sosial dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Kedai Makan Upin dan Ipin* manakala pengkaji mengkaji didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.

2.6 Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa bab ini telah menerangkan mengenai kajian-kajian terdahulu yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang dikaji. Terdapat kajian lepas yang diamati pengkaji mempunyai persamaan antara satu dengan kajian pengkaji yang boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam kajian ini. Setiap persamaan dilihat dapat memberikan nilai tambah yang baharu untuk membaiki dan menambahbaik bagi menghasilkan sebuah kajian yang dapat mengisi kelompangan di masa hadapan. Dari sudut pandang yang lain, perbezaan antara kajian lepas juga penting bagi melihat kepentingan kajian yang dihasilkan pengkaji agar kajian yang dijalankan dapat memberi maklumat tambahan kepada pengkaji lain untuk sentiasa membaiki semula setiap kepincangan dalam bidang kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kaedah yang digunakan sepanjang menjalankan penelitian untuk menganalisis elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* bagi mendapatkan hasil yang bermutu tinggi dan sumber yang menunjukkan kesahihan kajian ini. Pada bahagian ini juga menerangkan mengenai struktur kajian, kaedah kajian dan juga cara untuk menganalisis data dengan mengguna pakai kaedah pengumpulan data melalui beberapa langkah yang berikut. Pertama sekali, menjalankan pemerhatian menerusi penontonan dan memahami setiap elemen yang terkandung episod *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Kedua, menganalisis setiap elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku*. Seterusnya, membuat saringan untuk melihat kesesuaian data yang dipilih mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini menggunakan teori Semiotik yang akan mengupas mengenai setiap perlambangan yang terdapat dalam episod *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* menggunakan teori ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan sebuah gambaran mengenai kerangka dan perancangan untuk menentukan hala tuju kajian yang dijalankan. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan teknik mengumpul, meneliti serta menganalisis setiap data yang diperoleh pengkaji. Gambaran ringkas mengenai struktur kajian ini dapat diperoleh menerusi

reka bentuk kajian. Kepentingan struktur kajian adalah untuk menyampaikan inti pati dan hasil kajian dengan jelas dan lebih sistematik. Struktur kajian turut menumpukan kepada objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu menganalisis elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Teori Semiotik dijadikan sebagai panduan untuk melihat perlambangan dari sudut pandang sastera. Charles Sander Peirce sebagai tokoh pertama yang menggunakan istilah ini dan mempopularkan istilah Semiotik ini yang kemudiannya dikenali dengan nama teori Semiotik oleh pengkaji seterusnya. Teori Semiotik yang digunakan bersesuaian yang menghubungkan tanda-tanda dengan psikologi manusia dalam kajian ini yang mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku*. Teori ini menggambarkan kepentingan perlambangan yang mengangkat elemen didaktisisme dalam masyarakat.

Reka bentuk kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini tertumpu kepada solusi untuk menjawab setiap persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini. Hal ini dijadikan sebagai satu kaedah untuk mencapai objektif yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Objektif-objektif tersebut adalah:

1. Mengenal pasti elemen didaktisisme yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*.
2. Menganalisis setiap perlambangan yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* berdasarkan teori Semiotik Peirce.

Pengkaji perlu berusaha sedaya mungkin dalam menghasilkan solusi yang terbaik untuk mencapai objektif yang telah dinyatakan. Proses saringan dan penilaian telah dijalankan bagi menentukan tajuk kajian ini dengan meninjau terhadap beberapa kajian pengkaji lepas bertujuan

untuk mengelakkan sebarang pertindahan tajuk dan permasalahan dalam kajian lepas. Selepas proses pemilihan tajuk, pengkaji hanya menetapkan batasan kepada satu episod dalam siri animasi tempatan *Upin dan Ipin* iaitu dalam episod *Aku Sebuah Buku* kerana elemen didaktisisme yang paling dominan berada dalam episod ini. Setiap data yang dikumpulkan akan melalui beberapa fasa dan akan dianalisis sebelum dijadikan sebagai justifikasi dalam dapatan kajian.

3.3 Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengkaji unsur sastera dalam animasi *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku*. Episod yang mempunyai tiga bahagian dan berdurasi 18 minit ini akan diteliti mengikut teori Semiotik berkenaan perlambangan elemen didaktisisme yang terkandung dalam episod ini. Penelitian terhadap gaya penyampaian dan juga bait kata yang dilontarkan sangat dititikberatkan bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan. Setiap unsur sastera yang terdapat dalam episod ini akan dicatat dan disenaraikan agar memudahkan pengkaji menyatakan justifikasi dalam dapatan kajian.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan


Perpustakaan merupakan satu tempat yang tepat untuk memperoleh bahan-bahan ilmiah yang sah dengan dikumpulkan, dibaca, dikaji, dicatat dan dimanfaatkan secara bersama (Roth, 1986). Kajian kepustakaan merupakan segala usaha yang dilakukan pengkaji untuk menghimpunkan informasi yang relevan dengan kajian. Mohd Shaffie (1991) menerangkan kajian kepustakaan merupakan sebuah kaedah yang digunakan oleh seorang penyilidik bagi mendapatkan bukti melalui kajian ke atas rekod dan dokumen yang tersedia. Kaedah ini akan tertumpu kepada pencarian bahan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penelitian dokumen terhadap bahan ilmiah yang mempunyai perkaitan dengan tajuk yang dijadikan sebagai sumber rujukan yang akan

mengukuhkan kepentingan kajian ini dijalankan. Dokumen yang diperoleh akan dinilai keaslian sebelum dijadikan rujukan. Jenis dokumen yang digunakan dalam kajian ialah berbentuk Jurnal, Tesis Doktor Falsafah, Tesis Sarjana, Tesis Sarjana Muda, Artikel dan bahan ilmiah lain.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji perlu melakukan analisis untuk setiap dapatan dokumen yang diperoleh agar mendapat maklumat yang mencukupi dan yang diperlukan dalam kajian ini. Setiap analisis yang dilakukan seharusnya melalui proses yang teliti untuk memelihara kualiti dalam kajian yang dijalankan. Perkara ini penting ketika dalam proses memberikan hujah dalam dapatan kajian yang diperoleh. Maklumat diteliti dengan lebih mendalam agar mendapat kesahihan dan ketulenan dalam penulisan kajian.

Pengkaji melakukan penelitian dokumen dengan menyelusuri objektif kajian, tujuan kajian dijalankan serta dapatan daripada penelitian dokumen. Hujahan yang disokong oleh dokumen yang mempunyai kredibiliti akan mengukuhkan justifikasi berkaitan unsur sastera yang terkandung dalam episod *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* serta perlambangan yang menggunakan teori Semiotik.



Rajah 3.3: Kaedah Analisis Teks Berdasarkan Kajian Kualitatif Menerusi Siri Animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*

3.3.3 Sumber Internet

Sumber Internet juga dijadikan sebagai wadah mencari dan memperoleh data mengenai kajian supaya maklumat yang terkumpul lengkap dan berkualiti. Pengkaji melayari Internet untuk menjalankan pemerhatian menerusi penontonan *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* serta mencari unsur tambahan mengenai episod tersebut. Pengkaji turut menyaring setiap maklumat yang diperoleh agar sumber yang diperoleh bersifat rasmi dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam menulis dapatan kajian. Terdapat beberapa laman web rasmi untuk mengakses jurnal secara maya, tesis dan bahan ilmiah lain seperti Google Scholar, Academia, Scribd, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Pengkaji mendapati terdapat banyak kajian lepas yang mempunyai perkaitan

dengan kajian ini dengan melayari Internet. Pengkaji sedar untuk sentiasa berhati-hati dalam mengambil sumber Internet untuk menjaga kualiti kajian dan mendapatkan sumber yang dipercayai.

3.4 Teori Semiotik

Semiotik merupakan sebuah bidang ilmu yang mengkaji mengenai suatu tanda atau perlambangan. Tanda dalam ilmu berkomunikasi sangat penting untuk berinteraksi dan menyampaikan makna sesuatu perkara dengan tepat kepada orang lain. Aart van Zoest (1993) menjelaskan Semiotik merupakan sebuah ilmu tanda yang merupakan salah satu cabang ilmu berkaitan dengan sistem tanda dan proses yang berlaku bagi penggunaan tanda. Dikatakan sejak dua ribu tahun lalu, ahli-ahli falsafah Yunani telah menggunakan pemikiran tentang tanda atau *semeion*. Pemikir barat seperti Plato dan Aristotle merupakan perintis awal teori Semiotik ini. Asal-usul bahasa telah diperiksa oleh Plato dalam *Cratylus* manakala Aristotle pula menerokai kata benda dalam *Poetics* dan *On Interpretation*. (Paul Cobley dan Litza Jansz, 1997). Walaupun begitu, usaha yang diketengahkan kedua-dua pelopor barat ini mendapat tentangan hebat oleh golongan Stoics yang ingin menghapuskannya kerana beranggapan teori ini bersifat tidak wajar dan kesukaran untuk mempertahankan keunggulannya (Mana Sikana, 1998).

Kesan penolakan teori epistemologi menyebabkan Semiotik kurang mendapat sambutan dalam kalangan pengkaji hinggalah pada abad ke-17, John Locke yang merupakan ahli falsafah Inggeris yang menggunakan teori ini semula untuk melihat dengan jelas doktrin perlambangannya. Pada abad ke-19 teori Semiotik telah diberikan nafas baru dengan kemunculan dua orang tokoh penting dalam perkembangan teori ini iaitu Ferdinand de Saussure yang merupakan seorang tokoh berbangsa Swiss dan Charles Sanders Peirce yang merupakan seorang ahli falsafah, merangkap seorang peneroka tradisi Semiotik di Amerika Syarikat.

Saussure dan Peirce telah membuka ruang dan peluang untuk pengkaji lain mengembangkan teori ini dan lahirnya beberapa orang tokoh yang mengikuti prinsip dalam teori yang membahaskan mengenai Semiotik ini. Beberapa tokoh terkenal telah menyumbang kepada bidang semiotik. Sebagai contoh, Roland Barthes membincangkan konsep itu dalam karyanya *Elements de Semioleie*, yang diterbitkan pada tahun 1953. Charles Morris juga meneroka Semiotik dalam bukunya *Signs Language and Behavior* (1955) dan *Foundations of the Theory of Signs* (1970). Julia Kristeva mendalami topik ini dalam penerbitannya *Semeiotike* pada tahun 1969. Umberto Eco juga menyumbangkan pandangannya mengenai Semiotik dalam bukunya *Semiotics of Poetry*, yang dikeluarkan pada tahun 1976. Terakhir, Michael Riffaterre juga mendalami ilmu Semiotik dalam karyanya *Semiotics of Poetry*, yang diterbitkan pada tahun 1978.


3.4.1 Ciri Teori Semiotik

Skop jalan ceritanya yang tertumpu kepada suasana di dalam perpustakaan, tugas penting seorang pustakawan dalam menjaga buku dengan baik, perlambangan terhadap perasaan buku yang dibawa oleh Upin, Ipin dan rakan-rakan seta penampilan khas sasterawan negara yang ke-13, Sasterawan Negara Zurinah Hassan yang pada ketika itu riuh-rendah mengenai status buku-buku yang lama hendak dibuang. Terdengar Upin, Ipin dan rakan-rakan suara beliau mendeklamasikan syair, seloka, gurindam dan pantun empat kerat salah satu karya beliau yang ada dalam buku *A Journey Through Prose and Poetry* dalam buku ini Zurinah Hassan menyelusuri penglibatannya dalam dunia kesusasteraan dan proses kreatif dalam penghasilan karyanya, khususnya puisi dan cerpen. Situasi di atas menunjukkan sebuah perlambangan atau tanda yang ditunjukkan mewakili situasi pada ketika itu. Teori ini juga menunjukkan konsep pemikiran seseorang itu terhadap itu terhadap objek atau perkara yang ingin disampaikan dan proses bagaimana makna tersebut difahami dan diterjemahkan ketika berkomunikasi. Contoh, perlambangan buku-buku lama hendak dibuang

dengan deklamasi syair, seloka, gurindam dan pantun empat oleh sasterawan negara mengenai jasa yang baik akan dikenang sentiasa.

3.4.2 Teori Semiotik Peirce

Menurut Charles Sanders Peirce, Semiotik merujuk kepada kajian tentang tanda-tanda yang boleh dikenali dan difahami melalui proses yang dikenali sebagai semiosis. Proses ini boleh dibahagikan lagi kepada tiga komponen penting, iaitu *representament*, *object*, dan *interpretant*. Pemahaman mendalam Peirce tentang Semiotik dapat dilihat melalui penciptaan rajah *Genuine Triadic* yang komprehensif. Gambar rajah ini, yang dibentangkan oleh Peirce pada tahun 1965, berfungsi sebagai gambaran visual untuk melihat dari perspektif unik tentang sifat kompleks Semiotik dan peranannya dalam memahami cara tanda berfungsi dan menyampaikan makna.



Rajah 3.4: *Genuine Triadic* Pemikiran Charles Sanders Peirce

3.4.2.1 Representamen (lambang)

Representamet menurut Peirce terbahagi kepada tiga jenis iaitu *Qualisign*, *Sinsign*, dan *Legisign*. *Qualisign* merupakan sebuah kualiti yang menunjukkannya sebagai sebuah tanda (Paul Cobley dan Litza Jansz, 1998). *Sinsign* pula adalah sesebuah tanda dapat dilihat dengan nyata tanpa sebarang kod atau petunjuk. Contohnya, latar tempat episod *Aku Sebuah Buku* berada di perpustakaan kerana terdapat pelbagai jenis buku dan bahan bacaan ilmiah terdapat di dalamnya. Terakhir, *legisign* yang merupakan tanda umum kepada sebuah kod. Tanda bahasa yang terdapat dalam karya sastera merupakan legisign. Dengan erti kata lain, jenis tumbuhan, burung dan juga binatang yang dekat dengan masyarakat Melayu merupakan satu legisign melambangkan perwatakan Melayu yang dekat dengan alam semulajadi.

3.4.2.2 Object (benda)

Pada tahap kedua ialah objek. Peirce sekali lagi mengelaskannya kepada tiga bahagian iaitu ikon, indeks dan simbol. Ikon merupakan sebuah tanda yang merujuk kepada objek yang mempunyai sifat yang sama. Ikon akan menjadi ikonik apabila terdapat persamaan yang ketara antara tanda dan hal yang diwakilinya. Kris Budiman (1999) menyatakan diagram, peta mahupun lukisan mempunyai tanda yang ikonik dengan objek yang diwakilinya kerana persamaan yang begitu jelas dengan apa yang ditonjolkan. Seterusnya, indeks yang merupakan kesan kepada sebuah objek. Mana Sikana (2001) menjelaskan indeks merupakan satu tanda yang disebabkan oleh berlakunya sesuatu perkara seperti musibah, fenomena, isyarat dan sebagainya. Misalnya, tanda lubang peluru yang diakibatkan oleh tembakan, sekiranya tiada tembakan berlaku lubang tersebut tidak wujud dan berbalik kepada naluri manusia untuk menginterpretasikan di kawasan tersebut berlaku

penembakan ataupun tidak (Charles Hartshorne dan Paul Weiss, 1965). Terakhir, simbol yang merujuk kepada peraturan yang merupakan gabungan idea umum. Simbol merupakan sebuah tanda yang menunjukkan perhubungan antara tanda dengan perlambangannya yang ditentukan oleh peraturan yang berlaku secara umum (Aart van Zoest, 1993).


3.4.2.3 Interpretant (makna/fikiran)

Paul Cogley dan Litza Janz (1998) menyatakan bahawa *interpretant* adalah kesan ketara yang selalunya ia dianggap sebagai tanda dalam fikiran yang merupakan hasil daripada pertemuan dengan tanda tersebut. Pernyataan ini menunjukkan interpretant adalah sebuah fikiran secara terus mengenai sesuatu tanda selepas mengenal pasti mengenai tanda tersebut. Interpretant dibahagikan kepada tiga iaitu *Rheme*, *Dicent Signs* dan *Argument*. Aart van Zoest (1993) menyatakan *rheme* merupakan satu tanda yang dapat mewakili sesuatu perkara. Menurut Peirce, *Dicent sign* merupakan sebuah tanda yang benar-benar nyata. Puji Santosa (1993) menyatakan tanda merupakan sebuah penanda yang menunjukkan informasi mengenai penanda tersebut. Terakhir, *Argument* yang merupakan sebuah renungan tentang kebenaran.

3.5 Kerangka Kajian

Kerangka teoritikal merupakan pendekatan teori asas yang digunakan untuk menyokong kajian serta menganjurkan konsep-konsep penting dalam kajian. (Walliman, 2011) menyatakan teori boleh berkisarkan mengenai skala secara besar-besaran (kompleks) yang teliti serta tuntutan untuk melalui penyelidikan akademik. Wanbrod (1986) menyatakan kerangka teori merujuk kepada sebuah penyusunan sistematik tentang idea-idea mengenai fenomena yang sedang dikaji serta penjelasan yang sistematik mengenai kajian yang dijalankan. Kerangka teori digunakan untuk dijadikan untuk menentukan persoalan kajian yang hendak dilakukan serta sebagai panduan dalam


menjayakan penyelidikan. Kepentingan kerangka teoritikal adalah menjadi panduan dalam proses penyelidikan ketika proses penyelidikan untuk mengenal pasti apa yang berlaku seterusnya. Bukan itu sahaja, kerangka teoritikal juga untuk dilakukan untuk merapatkan jurang antara maklumat yang diketahui dan yang tidak diketahui. Berikut merupakan rajah kerangka kajian bagi kajian ini:



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 3.5: Kerangka Kajian Elemen Didaktisisme dalam Animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*

3.6 Kesimpulan

Dapat dirumuskan, peranan kaedah kajian sangat penting bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dan dapat memberikan analisis kajian yang membantu pengkaji seterusnya untuk mengukuhkan kajiannya. Hasil dapatan kajian yang berkualiti merupakan hasil daripada kaedah kajian yang sistematik yang mempunyai struktur yang tersusun dan jelas. Kaedah kajian yang dijalankan untuk mendapatkan sumber yang sahih dan mengukuhkan fakta mengenai kajian ini. Sumber yang dipilih telah disaring untuk dijadikan hujah yang bersesuaian dengan kajian. Metodologi kajian yang dipilih adalah bersesuaian dengan kajian iaitu mengkaji elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* menggunakan teori Semiotik yang melihat kepada pelambangan sesuatu makna. Setelah ditelusuri berkaitan teori Semiotik, proses untuk menganalisis data semakin lancar bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Jelaslah, metodologi kajian menjadi perkara asas kepada kajian sebelum memperoleh dapatan kajian untuk menjawab persoalan yang diketengahkan pengkaji.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini akan membincangkan elemen didaktisisme yang terkandung dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* serta menganalisis setiap perlambangan elemen didaktisisme dengan menggunakan teori Semiotik. Kajian yang dilakukan terbatas hanya dalam siri animasi *Upin dan Ipin* episod 34, 35 dan 36 dalam musim ke-12 yang berjudul *Aku sebuah Buku*. Elemen didaktisisme yang merupakan sebuah unsur pengajaran yang terdapat dalam sesebuah karya yang memberikan kepada penonton akan dilihat dengan lebih terperinci dengan menggunakan teori Semiotik yang dikemukakan oleh Peirce (1965).


INFOGRAFIK ANALISIS BAB 4

1 MENGANALISIS ELEMEN DIDAKTISISME

Mengeluarkan setiap elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi Upin dan Ipin : Aku Sebuah Buku sahaja.

- Elemen sastera : Gurindam, seloka, pantun dan syair.

2 MENGAPLIKASIKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE



Setiap elemen yang dikeluarkan dalam siri animasi ini akan di klafikasikan mengikut tiga komponen penting iaitu tanda, objek atau *interpretant*.

3 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh akan menjawab setiap persoalan dan objektif kajian ini.

Rajah 4.1: Infografik menerangkan secara ringkas mengenai bab 4.

4.2 Elemen Didaktisisme dalam Siri Animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*

Siri animasi *Upin dan Ipin* menjadi salah satu wadah untuk mengembangkan corak pemikiran kanak-kanak yang mempunyai daya penyerapan maklumat yang sangat baik. Mutolingah (2011) berpandangan bahawa siri animasi *Upin dan Ipin* mempunyai kelebihan berbanding siri animasi tempatan yang lain dengan mempunyai nilai dalam pertuturan dan penyampaian struktur ayat yang tinggi dan ringan sesuai untuk seluruh peringkat usia. Memasukkan elemen didaktisisme yang mempunyai unsur pendidikan dalam karya animasi tempatan merupakan satu langkah yang bijak untuk memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak yang menontonnya.

Teori Semiotik Peirce

Menurut Charles Sanders Peirce, Semiotik merujuk kepada kajian tentang tanda-tanda yang boleh dikenali dan difahami melalui proses yang dikenali sebagai semiosis. Proses ini boleh dibahagikan lagi kepada tiga komponen penting, iaitu *representament* (lambang), objek, dan *interpretant* (makna). Pemahaman mendalam Peirce tentang Semiotik dapat dilihat melalui penciptaan rajah *Genuine Triadic* yang komprehensif. Gambar rajah di bawah ini yang dibentangkan oleh Peirce pada tahun 1965, berfungsi sebagai gambaran visual untuk melihat dari perspektif unik tentang sifat kompleks Semiotik dan peranannya dalam memahami cara tanda berfungsi dan menyampaikan makna.

4.2.1 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Syair Menerusi Teori Semiotik

Syair merupakan sejenis puisi Melayu lama yang berangkap yang mempunyai empat baris ayat yang kesemua baris membawa kepada makna yang tersendiri. Syair sering dikaitkan dengan kiasan yang berbentuk sindiran, nasihat, pengajaran, keagamaan serta kisah sejarah atau cerita dongeng. Syair kebiasannya mempunyai empat baris dalam satu rangkap yang tidak mempunyai pembayang kepada maksud. Setiap baris syair mempunyai makna yang berkaitan antara satu dengan yang lain.

Elemen sastera yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* ialah dendangan syair oleh Sasterawan Negara Zurinah Hassan ketika semua buku sedang sibuk memikirkan nasib buku yang akan dilupuskan. Beliau mendendangkan syair untuk menenteramkan keadaan pada ketika itu.

[O1] Elemen Didaktisisme	[O2] Perlambangan Semiotik Peirce
<p>Di waktu siang <u>suria memancar</u>,</p> <p>Bila malam <u>bulan bersinar</u>,</p> <p><u>Hari</u> berganti <u>minggu</u> bertukar,</p> <p>Supaya kita <u>insaf</u> dan <u>sedar</u>.</p>	<p>Representament (lambang)</p> <p>- Qualisign (kualiti bahasa):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Suria memberi perlambangan kepada matahari <p>- Legisign (kod):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hukum alam yang menunjukkan matahari sebagai perlambangan kepada waktu siang (pagi). Begitu juga sebaliknya, pada waktu malam pasti ditemani cahaya bulan.

- Kajian sains mendapati bahawa sinaran bulan adalah disebabkan oleh pantulan cahaya dari matahari.

Objek

- Ikon:

- Hari merujuk kepada waktu 24 jam, dari terbit matahari hingga terbit semula. Minggu bersamaan dengan tujuh hari. Menunjukkan peredaran masa dari hari ke minggu tidak memakan masa yang lama.

- Indeks:

- Peredaran waktu yang singkat menunjukkan manusia mempunyai waktu yang terhad untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri atau orang sekeliling.

- Simbol:

- Kejadian siang dan malam memberikan perlambangan peredaran masa yang dilalui manusia semakin cepat dan tiada masa untuk melakukan perkara yang sia-sia.

	<p>Interpertant (Makna)</p> <p>- Hujah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Apabila waktu berjalan dengan sangat pantas, manusia seharusnya mempunyai kesedaran diri untuk melakukan perkara yang tidak sia-sia agar tidak menyesal di kemudian hari.
--	--

Rajah 4.2.1: Jadual analisis elemen didaktisisme dalam syair dan perlambangan Semiotik Peirce.

Jadual di atas menunjukkan elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* iaitu syair yang menggunakan proses semiosis yang dikemukakan oleh Peirce (1965) yang mempunyai tiga kategori iaitu *representament*, objek dan interpretant. Perlambangan Semiotik dalam kategori representamen yang terdapat dalam syair diatas adalah penggunaan perkataan suria yang memberi representasi kepada matahari yang tergolong dalam kelompok qualisign iaitu kualiti yang menunjukkan tanda, menurut Peirce (1965). Menurut Fakhruddin (2021), antara salah satu nikmat yang perlu disyukuri adalah kejadian siang dan malam yang menjadi kayu pengukur untuk bekerja dan berehat. Tambahnya, alangkah rugi kehidupan seseorang jika melakukan perkara yang merugikan diri sendiri kerana waktu itu tidak akan kembali. Setiap manusia diberikan waktu yang sama tiada yang lebih dan kurang. Dengan itu tiada alasan untuk mengatakan seseorang mempunyai kelebihan anantara yang lain kerana perkara ini bergantung kepada individu itu sendiri. Sekiranya individu tersebut telah menetapkan tujuan asal dalam hidupnya untuk menjadi seorang yang berjaya maka, mereka tidak sesekali berfikir untuk melakukan perkara yang boleh merosakkan kehidupan mereka. Elemen didaktisisme yang dimasukkan ke dalam siri animasi ini sedikit sebanyak memberikan pengajaran kepada semua

lapisan masyarakat untuk sentiasa bersedia dan mempunyai perancangan yang teliti dalam membuat sesuatu perkara agar setiap detik yang digunakan memberikan manfaat kepada diri sendiri.

Kategori kedua adalah objek yang mengemukakan ikon, indeks dan simbol sebagai pecahan dalam kategori ini. Perlambangan ikon peredaran hari ke minggu yang sebenarnya cukup singkat dan mengingatkan manusia mempunyai masa yang cukup singkat dalam kehidupannya. Indeks dalam syair ini pula menunjukkan masa yang singkat seharusnya diisi dengan perkara-perkara yang mendatangkan faedah. Riza rahmawati (2023) menjelaskan tujuan hidup yang ingin dicapai perlulah dirancang sebaiknya kerana setiap orang mempunyai tujuan hidup dan mempunyai matlamat yang tersendiri. Setiap perancangan yang dilakukan hari ini akan menentukan kehidupan pada masa akan datang. Individu yang inginkan kejayaan sentiasa memikirkan jalan terbaik agar mengelakkan diri dari terjerumus dalam kehidupan duniawi yang bersifat sementara ini. Simbol kepada peredaran masa yang singkat seperti singkatnya pergerakan masa siang dan malam menjadikan manusia tiada masa untuk melakukan perkara yang sia-sia dan tidak mendatangkan manfaat kepada diri sendiri. Dalam tak sedar manusia sekarang berada di fasa hujung dunia yang menunjukkan peredaran waktu yang cukup sekejap. Allah S.W.T berfirman dalam Surah al-Asr pada ayat satu hingga tiga yang bermaksud: “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka yang berpesan-pesan kepada kebenaran serta berpesa-pesan dengan kesabara.” Ayat ini jelas menunjukkan kepentingan masa yang manusia seringkali abaikan kerana leka dihanyut keindahan duniawi yang seketika. Allah S.W.T telah berpesan bahawa manusia ini hidup dalam kerugian sekiranya tidak melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan bukan sahaja kepada dirinya malahan kepada orang di

sekelilingnya. Setiap perbuatan yang dilakukan di muka bumi ini menjadi asbab kepada kejayaan atau sebaliknya di akhirat sana.

Akhir Sekali, *Interpretant* dalam syair adalah setiap detik masa yang dilalui dalam kehidupan seharian sangatlah berharga, tambah pula peredaran masa yang semakin hari terasa semakin pantas waktunya. Dengan itu, seharusnya manusia mengerjakan perbuatan yang berfaedah dan memberikan keuntungan pada masa akan datang agar kelak tidak menyesal di kemudian hari. Ajaran Islam menyifatkan kejadian siang dan malam adalah satu bentuk peringatan untuk sentiasa menghargainya walaupun sedetik lamanya. Hal ini bersesuaian dengan firman-Nya dalam surah Al-Furqan pada ayat 62 yang membawa erti: “Dan Dia (pula) yang menjadikan kejadian malam dan siang saling silih berganti agar memberi peringatan (kepada kebesaran-Nya) atau mahu bersyukur (atas nikmat-nikmatNya)”. Kejadian siang dan malam menunjukkan manusia sentiasa diingatkan untuk menghargai setiap masa yang diperuntukkan di muka bumi ini agar tidak terus lalai dan leka dalam mengejar kenikmatan dunia yang sementara sahaja. Alangkah ruginya manusia sekiranya mempunyai akal dan kesihatan yang baik tetapi menggunakannya ke arah keburukan. Kesan daripada perbuatan baik atau jahat dalam kehidupan kita pada hari ini yang akan menjadikan ukuran kepada seseorang itu mendapat kenikmatan pada akhir hayatnya ataupun sebaliknya. Elemen didaktisisme yang dapat membantu penonton kanak-kanak khususnya dalam mencorakkan kehidupan mereka sejak kecil menjadikan salah satu kelebihan pembentukan karakter yang baik dalam siri animasi tempatan. Hal ini dapat memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak untuk merancang kehidupan mereka dengan menyatakan perkara yang diinginkan dan cara untuk mendapatkannya. Perkara ini dapat memotivasikan mereka untuk menjadi seorang yang lebih menghargai masa dan tidak membuang masa dalam mengejar apa yang diinginkan dalam hidup.

4.2.2 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Seloka Menerusi Teori Semiotik

Seloka ialah sejenis puisi Melayu tradisional. Seloka ialah karangan berangkap yang memakai pertentangan bunyi hujung (rima) yang tidak tetap. Bilangan baris pada sebuah seloka adalah tidak terhad dan bilangan baris pada satu rangkap juga tidak menentu. Seloka juga tidak mempunyai skema rima yang tetap. Seloka dikarang untuk menyampaikan kritikan dan sindiran terhadap sesuatu kepincangan yang berlaku di dalam masyarakat. Kritikan dan sindiran ini amat tajam dan disampaikan secara berlapis dan berkias dalam nada bergurau.

Melalui seloka akan terpancar budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara berterus terang tetapi secara halus. Kata-kata yang digunakan di dalam seloka adalah lambang-lambang yang mengandungi makna yang tersirat. Kita tidak mengetahui siapakah pengarang sebenar sesebuah seloka. Seloka dijadikan sebagai sesuatu perbandingan dan tamsilan seperti perumpamaan, metafora, simile dan personifikasi yang kaya dengan imej alam.

[O1] Elemen Didaktisisme	[O2] Perlambangan Semiotik Peirce
<p>Aduhai malang <u>Pak kaduk</u>,</p> <p>Ayamnya menang kampung tergadai,</p> <p>Ada <u>nasi dicurahkan</u>,</p> <p>Awak pulang kebuluran.</p>	<p>Representament (Lambang)</p> <p>- Legisign (kod):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat Melayu memberikan perlambangan kepada watak Pak Kaduk sebagai nasib malang.

	<p>Objek</p> <p>- Ikon:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Watak Pak Kaduk yang disisfatkan sebagai seorang malang kerana perbuatannya sendiri. <p>- Indeks:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Watak Pak Kaduk yang suka membuat keputusan terburu-buru menjadikannya seorang yang bernasib malang. ● Ayamnya diberikan kepada sultan kerana terpedaya dengan tawaran yang diberikan. Pada akhirnya, kalah dalam pertarungan dan hartanya (rumah) di rampas. <p>- Simbol:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Nasib malang Pak Kaduk diibaratkan seperti sudah mempunyai nasi di tangan namun di buang walaupun sedang dalam kelaparan. <p>Interpertant (Makna)</p> <p>- Rima:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Watak Pak Kaduk memberikan perlambangan kepada nasib malang kerana dirinya sendiri
--	---

	<p>yang bertindak tanpa berfikir panjang yang menyebabkan kerugian kepada dirinya sendiri.</p>
--	--

Rajah 4.2.2: Jadual analisis elemen is dalam seloka dan perlambangan Semiotik Peirce.

Jadual analisis di atas menunjukkan perkaitan antara perlambangan dalam teori Semiotik Peirce dengan jelas melalui proses semiosis yang mempunyai tiga peringkat. *Representament* dalam seloka di atas menunjukkan watak Pak Kaduk yang dijadikan sebagai perlambangan kepada nasib malang oleh bangsa Melayu. Hal ini telah disokong oleh Shaari (1991) yang menyifatkan watak Pak Kaduk yang mempunyai otak dan akal fikirannya tapi tidak menggunakannya dengan baik serta selalu mengikutkan perasaan sahaja seperti sifat tamak dan menginginkan wang segera. Watak Pak Kaduk diceritakan sebagai seorang yang malang agar memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak bahawasanya terdapat orang yang lebih malang supaya mereka dapat bersyukur dengan segala nikmat yang dikurinkan Tuhan kepada mereka. Bukan itu sahaja, watak Pak Kaduk turut berperanan sebagai kambing hitam untuk menunjukkan apa yang akan berlaku sekiranya seseorang itu bertindak tanpa berfikir panjang. Dengan itu, kanak-kanak akan lebih cepat belajar mengenai akibat daripada tindakan yang mereka lakukan. Kanak-kanak lebih mudah terpengaruh dengan perkara yang dipertontonkan kepada mereka menerusi animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* yang memasukkan elemen didaktisisme menjadikan kanak-kanak lebih terdedah untuk mempelajari sesuatu ilmu baharu hanya melalui penonton di kaca televisyen sahaja.

Seterusnya, objek yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bermula dengan ikon. Ikon Pak Kaduk telah menampilkan nasib malang yang menimpa dirinya kerana perbuatannya sendiri. Pengkaji barat Winstedt (1969) turut menyifatkan watak Pak Kaduk sebagai seorang yang mempunyai gabungan sifat cetek akalnya dan nasib malang. Terbukti dari kajian lepas ini menunjukkan watak Pak Kaduk sebagai simbolik kepada orang yang bernasib malang dan dangkal.

Kedua adalah indeks, perlambangan indeks yang terdapat dalam seloka diatas adalah berkaitan cerita rakyat terdahulu yang menunjukkan sikap Pak Kaduk yang terburu-buru dalam melakukan pekerjaan akhirnya memakan diri sendiri. Pak Kaduk dijanjikan sesuatu yang lumayan daripada sultan asalkan Pak Kaduk dengan rela menukar ayamnya dengan ayam sultan. Sultan memilih ayam Pak Kaduk kerana tuah ayam yang sentiasa memenangi pertandingan laga ayam di kampungnya. Pak Kaduk yang tanpa berfikir panjang menukarkan ayam tersebut dengan ayam sultan. Akhirnya ayam sultan yang kini menjadi miliknya kalah dan rumahnya telah dirampas oleh sultan. Hal ini jelas menunjukkan akibat bertindak mengikut emosi dan tanpa berfikir panjang menyebabkan bukan sahaja Pak Kaduk menerima nasib malang namun juga orang sekelilingnya iaitu isteri dan anaknya. Watak Pak Kaduk jika diikutkan bukanlah semula jadi malang berikutan dengan ayam belaan Pak Kaduk yang mempunyai tuah kerana sentiasa memenangi kejuaraan laga ayam di kampungnya namun yang menyebabkan nasibnya malang adalah sikap terburu-buru dalam membuat keputusan yang pada akhirnya mendapat ayam yang kurang bertuah (ayam raja). Akhir sekali ialah simbol, Pak Kaduk diibaratkan sebagai seseorang yang mendapat kejayaan namun merosakkan dirinya sendiri, situasi yang berlaku ini sama seperti sudah ada nasi di tangan namun dicurahkan begitu sahaja walaupun sedang kelaparan. Watak Pak Kaduk memberikan pengajaran yang penting agar sentiasa mencari ilmu untuk melakukan sesuatu perkara bukannya bertindak sewenang-wenangnya sahaja. Sikap Pak Kaduk yang tidak membuat perkiraan atau perancangan sekiranya akan kalah juga merupakan salah satu perkara yang perlu dilihat dengan teliti. Setiap perancangan yang dilakukan seharusnya mempunyai rancangan kedua atau ketiga sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini seperti yang disebutkan dalam pepatah Melayu sediakan payung sebelum hujan.

Proses Semiosis yang terakhir adalah *interpertant* yang menunjukkan makna dalam seloka diatas. Perwatakan Pak Kaduk yang bersikap terburu-buru dan tidak berfikir panjang dalam membuat keputusan menjadikan dirinya malang kerana dirinya sendiri yang mengakibatkan kerugian pada akhirnya. Perwatakan Pak Kaduk dalam seloka jenaka yang merupakan bahan hiburan dalam masa yang sama menjadi suri tauladan kepada masyarakat untuk tidak mengikut sifat Pak Kaduk yang terburu-buru dalam membuat keputusan. Bersesuaian dengan peribahasa Melayu yang berbunyi yang dikejar tidak dapat, yang digendong berciciran. Watak Pak Kaduk bukan sahaja memberikan pengajaran untuk sentiasa berfikir panjang sebelum membuat keputusan, namun masyarakat juga seharusnya menanam sifat bersyukur dengan setiap apa yang dikurniakan. Shaari (1991) juga menerangkan watak Pak Kaduk mempunyai makna implisit yang menunjukkan kebijakan pengarang Melayu dalam memberikan kritikan secara sinis kepada pemerintah. Watak Pak Kaduk merupakan simbolik kepada sifat yang mempunyai nasib malang dan seringkali memegang peranan sebagai orang yang ditindas kerana perwatakan yang terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan. Hal ini menunjukkan pengkarya terdahulu menggunakan pendekatan yang sangat bijak untuk menarik pendengar dan pembaca mendalami sifat Pak Kaduk yang malang atas kecuaiannya sendiri. Elemen didaktisisme dalam watak Pak Kaduk wajar dijadikan contoh pengajaran kerana seloka ini dekat dengan masyarakat Melayu. Sifat yang seringkali terjadi pada diri sendiri namun tidak sedar kewujudannya kerana merasakan diri sudah cukup baik.

4.2.3 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Gurindam Menerusi Teori Semiotik

Asal usul gurindam adalah daripada bahasa sanskrit yang merupakan rangkap yang digabungkan menjadi bidalan. Tafsiran Md Ali Bachick (2003) menunjukkan gurindam merupakan kalimat yang mempunyai alunan irama. Mempunyai unsur nasihat dan berbentuk seakan-akan bidalan. Gurindam yang mempunyai ciri khasnya sama seperti puisi Tradisional yang lain, gurindam mempunyai kalimat utama, anak kalimat atau juga dikenali sebagai kalimat induk yang mempunyai dua baris dalam serangkap yang turut digunakan sebagai isi. Gurindam terbentuk daripada sebab sesuatu perkara itu terjadi, dari sinilah terinspirasinya sebuah gurindam.

[O1] Elemen Didaktisisme	[O2] Perlambangan Semiotik Peirce
<p>Jika diri mengenal <u>Syariat</u>,</p> <p>Pasti <u>hayatnya</u> menjadi berkat.</p>	<p>Representament (Lambang)</p> <p>- Legisign (kod):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syariat merupakan sebuah hukum dan peraturan yang mesti dipatuhi setiap umat manusia yang beragama Islam. <p>Objek</p> <p>- Ikon:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syariat merupakan sumber utama manusia yang beragama Islam.

	<p>- Indeks:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Syariat memberikan keberkatan hidup kepada sesiapa yang mengikutinya. <p>- Simbol:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Simbol keberkatan hidup adalah dengan mematuhi syariat. <p>Interpertant (Makna)</p> <p>- Hujah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Umat Islam telah diberikan panduan hidup dengan menggunakan syariat sebagai landasannya. Sekiranya mereka mengikuti setiap yang diperintahkan, sudah pasti keberkatan dalam hidup akan diperoleh sepanjang hidupnya.
--	---

Rajah 4.2.3: Jadual analisis elemen didaktisisme dalam gurindam dan perlambangan Semiotik Peirce.

Jadual di atas menunjukkan analisis elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku. Representament* dalam gurindam diatas adalah syariat yang merupakan panduan yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Legisign menurut Peirce (1965) merupakan undang-undang dalam tanda yang dinyatakan sebagai peraturan yang perlu dipatuhi, bertepatan dengan syariat yang perlu dipatuhi oleh sesiapa sahaja yang beragama Islam. Syariat merupakan hukum

yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T untuk dijadikan sebagai panduan hidup setiap hamba-Nya. Kaelany (2000) yang menulis buku Islam dan Aspek Kemasyarakatan memberikan penekanan pada tiga aspek besar dalam ajaran Islam iaitu Islam iaitu syariat, Iman yang membawa kepada akidah dan ihsan yang membawa makna akhlak dan etika. Dapat disimpulkan bahawa untuk mencapai setiap aspek dalam ajaran Islam perlu menguatkan syariat yang merupakan asas untuk menjadi seorang muslim (orang yang menganut agama Islam) yang baik dan mengikuti peraturan. Tanpa peraturan manusia hidup dalam keadaan yang tidak bertamadun dan akan menyebabkan bencana besar kepada dunia kerana tidak berpaksikan kepada apa-apa sumber untuk dirujuk. Syariat dijadikan sebagai panduan gaya hidup seorang muslim, sekiranya hidup tanpa berlandaskan syariat-Nya maka Islam hanyalah sekadar di atas nama kerana tidak menunjukkan perwatakan Islam yang sebenar. Perkara ini akan menyebabkan nama Islam tercemar kerana telah melakukan perkara yang dilarang namun masih mengaku sebagai umat Islam dan mengakibatkan masyarakat lain salah faham mengenai agama Islam yang sebenar. Disebabkan itu pentingnya mengikut setiap syariat yang telah ditetapkan agar kehidupan terjamin selamat di dunia mahupun di akhirat.

Proses kedua dalam semiosis adalah objek yang melihat tanda ikon, indeks dan simbol. Tanda ikon yang terdapat dalam gurindam diatas adalah ikon syariat yang menjadi tunjang peraturan dalam agama Islam. Ali Ahmad (2006) dalam bukunya *Indahnya Syariat Islam* menyatakan syariat yang diturunkan bukan sahaja berkaitan dengan ibadah namun juga menyentuh segala aspek mengenai manusia seperti mendirikan rumah tangga, hukuman dalam jenayah, adab bertamu ke rumah orang lain dan sebagainya. Syariat Islam menyentuh segala sisi untuk menjadi seorang manusia yang memberi manfaat kepada diri sendiri serta persekitaran. Setiap perbuatan yang dilakukan haruslah berpaksikan ajaran syariat agar mendapat berkat setiap kali mengerjakannya. Indeksnya seorang yang mengikuti syariat pasti akan mendapat keberkatan dalam

hidupnya. Ali Ahmad (2006) juga menjelaskan barang siapa yang mengikuti syariat dengan betul dan mengembangkan ilmu tersebut akan membersihkan setiap pemikiran dan membentuk suatu daya fikiran yang lebih positif dari segala aspek yang dilihat. Syariat Islam menyeru untuk berbuat kebaikan dan meninggalkan perkara yang tidak baik. Bersesuaian dengan firman-Nya dalam Surah Ali' Imran ayat 104 yang membawa maksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya." Seterusnya ialah Simbol keberkatan menjadi kunci kepada sesiapa sahaja yang mengikut syariat-Nya. Syariat yang digunakan oleh umat Islam menjadikan seseorang muslim itu lebih berpegang teguh kepada ajaran Islam. Diceritakan Lion Roche yang ditugaskan untuk memasuki Islam sebagai mata-mata Perancis untuk mengawal taktik Abdul Qadir. Namun, setelah dikaji beliau menemui kebenaran yang tidak dapat oleh agama lain di dunia. Katanya agama Islam mengajarkan manusia untuk bersifat berperikemanusiaan hinggakan kegiatan ekonomi dalam Islam yang sangat sistematik. Peristiwa ini telah memberikan satu gambaran kepada umat Islam untuk sentiasa mengikuti syariat kerana dengan mengikutinya, akan menemui satu titik cahaya kebenaran yang selama ini dicari dalam kehidupan. Sekiranya tersasar, pulang semula ke pangkal jalan dengan melihat kembali syariat yang ditetapkan. Elemen didaktisisme dalam gurindam ini menunjukkan kepentingan berpaksikan ajaran yang benar agar tidak terpesong dan sentiasa berada dalam keberkatan hidup.

Proses terakhir dalam semiosis adalah *interpretant* yang menunjukkan jika seseorang ingin kehidupannya diberkati, haruslah mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan agar kehidupannya mempunyai tujuan hidup yang betul dan tidak tersasar jauh dari landasan, dan sekiranya pernah tersasar sudah mempunyai rujukan untuk kembali ke pangkal jalan yang benar

semula. Ali Ahmad (2006) menyatakan setiap umat Islam yang mengikuti ajaran Islam dengan benar iaitu syariat Islam mempunyai ketetapan hati yang sangat utuh, menjaga kehormatan diri sendiri dan bersifat pemurah. Sifat yang dibentuk merupakan acuan dari panduan yang lengkap dalam menjadi manusia yang berkepribadian baik dan sentiasa menghindari diri dari melakukan perkara yang membawa mudarat kepada diri sendiri agar kehidupannya mempunyai keberkatan sepanjang hayatnya. Elemen didaktisisme yang menyentuh perintah syariat agama merupakan pendekatan yang penting untuk mendidik anak bangsa agar tidak lari dari prinsip hidup mereka. Rukun negara juga telah meletakkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas untuk menjadi warganegara Malaysia. Syariat yang dipelajari akan membentuk modal insan menjadi seseorang yang lebih berguna dan berjaya di masa akan datang.

4.2.4 Perlambangan Elemen Didaktisisme dalam Pantun Menerusi Teori Semiotik

Pantun merupakan salah satu cara masyarakat Melayu dahulu menyampaikan pendidikan, teguran, pantang-larang, kata-kata semangat dan sebagainya. Za'ba (1965) berpendapat bahawa perkataan 'pantun' adalah kata terbitan dari sepantun yang membawa maksud seperti, seumpama atau macam. Pantun juga diibaratkan seperti peribahasa yang mempunyai gambaran secara halus serta digayakan dengan pelbagai cara termasuk dengan kata sindiran. Pantun paling ringkas ditulis sebanyak dua rangkap seterusnya, empat rangkap yang mempunyai ikatan dengan setiap baris dan mempunyai rima akhir yang sama. Pantun menjadi hiburan nenek moyang terdahulu dengan diselitkan unsur nasihat, jenaka, dan juga larangan untuk menjadi pedoman dan pegangan pada ketika itu hingga ke hari ini pantun masih lagi menjadi salah sebuah panduan hidup orang Melayu hingga diiktiraf Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai warisan budaya tidak ketara pada tahun 2020 bersama Indonesia.

[O1] Elemen Didaktisisme	[O2] Perlambangan Semiotik Peirce
<p>Bagaimana saya <u>tak ikat</u>,</p> <p><u>Kait-kait</u> dengan <u>durinya</u>,</p> <p>Bagaimana saya <u>tak ingat</u>,</p> <p><u>Orang baik</u> dengan budinya.</p>	<p>Representament (Lambang)</p> <p>- Qualisign (kualiti bahasa):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Besi yang mempunyai cangkuk pada hujung jarumnya. Digunakan untuk mengait benang. <p>Objek</p> <p>- Ikon:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kait digunakan untuk mencantumkan benang-benang untuk membentuk sesuatu seperti alas meja, beg dan sebagainya. Ikon Kait sebagai satu kesatuan membentuk sesuatu yang baharu. <p>- Indeks:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebuah persatuan dijalinkan dengan satu perkaitan, begitu juga dengan perkara yang kecil dan sederhana menjadikan seseorang terkesan dengan sikap seseorang.

	<p>- Simbol:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Keperibadian yang baik akan sentiasa diingati orang. <p><i>Interpertant (Makna)</i></p> <p>- Hujah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setiap perkara yang dilakukan mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Sekiranya kita berbudi dengan seseorang pasti akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada orang tersebut hingga diingatnya sebagai seorang yang baik hanya dengan perbuatan yang sederhana kepada orang tersebut.
--	--

Rajah 4.2.4: Jadual analisis elemen didaktisisme dalam pantun dan perlambangan Semiotik Peirce.

Menerusi jadual analisis elemen didaktisisme dalam pantun melalui perlambangan Semiotik Peirce dapat dilihat bahawa perlambangan yang cuba dibawa dalam karya dari segi qualisign yang menunjukkan kait yang merupakan tumbuhan menjalar seperti pokok gambir yang bersifat bercabang serta mempunyai duri yang melengkung seperti kait benang. Tumbuhan yang biasa dikenali sebagai kait-kait atau nama saintifiknya *Uncaria cordata* yang dipercayai merupakan ubatan herba oleh penduduk di Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia yang mudah dijumpai di hutan belantara kedua negara tersebut. Hasil penyelidikan Amelia (2020) dalam Harborne (1987) yang menyatakan batang yang terdapat pada tumbuhan ini mempunyai bakteria baik yang mampu

mempercepatkan penyembuhan luka. Perlambangan pada duri yang berbentuk seperti kait menjadikan perkaitan yang ketara antara kedua-duanya. Menerusi kajian yang dilakukan dapat membuat perkaitan sekiranya ada duri pasti akan ada yang terluka, ironinya pokok ini menjadi penyembuh kepada luka tersebut. Hal ini menunjukkan walaupun pokok ini mempunyai duri yang boleh mengakibatkan seseorang terluka namun khasiatnya tetap diambil untuk mendapatkan penyembuhan luka yang lebih pantas. Bukan itu sahaja perkaitan antara pokok yang bersifat menjalar menjadikan sifat alami pokok yang terikat dengan sesuatu tumbuhan yang berhampiran dengannya. Hal ini menunjukkan walau kemana sahaja kita berada, sekiranya kita memberikan aura positif dan memberikan pertolongan kepada orang nescaya kita akan didekati dan disenangi orang sekeliling. Kanak-kanak sudah pasti mempunyai satu pemikiran bahawa sekiranya buat baik akan mendapatkan kawan bermain yang ramai kerana diusia ini mereka lebih cenderung untuk mendapatkan rakan-rakan bermain. Walau bagaimanapun ibu bapa juga perlulah memainkan peranan yang penting dalam membentuk sifat anak-anak agar tidak terlampau baik kerana khuatiri anak-anak akan diambil kesempatan oleh orang lain yang mempunyai niat jahat kepada mereka. Bersesuaian dengan pepatah Melayu yang berbunyi buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

Perlambangan objek yang menunjukkan ikon kait yang mempunyai persamaan antara dua perkara. Pertama duri yang berbentuk kait serta sifat kait pada benang yang bertujuan untuk mencantumkan membentuk baju, alas meja dan sebagainya. Kait dan benang tidak dapat dipisahkan kerana sekiranya salah satu tiada maka benang tersebut tidak dapat bercantum membentuk pakaian dan sebagainya. Kedua adalah sifat kait yang berbentuk seperti jarum dan bersifat tajam. Walaupun mempunyai sifat yang tajam namun boleh dimanfaatkan mengikut fungsinya seperti pohon gambir dan pengait benang. Seterusnya, perlambangan pada indeks yang

terdapat dalam karya di atas ialah perkaitan antara satu sama lain akan memberikan satu kesan dalam kehidupan seharian. Sebuah perkaitan yang dijalinkan akan membentuk satu corak pemikiran mengenai sesuatu perkara sama ada perkara tersebut baik atau sebaliknya. Pantun di atas menunjukkan perkaitan orang baik pasti akan selalu dikenang kerana telah memberikan impak yang luar biasa kepada seseorang hingga dapat memberikan kesan yang baik kepada orang sekeliling. Walaupun perkara yang dilakukan kelihatan kecil bagi individu lain namun boleh memberikan kesan yang baik kepada orang lain. Elemen akhir dalam objek adalah simbol yang dapat dilihat melalui keperibadian yang baik akan sentiasa diingati dan dikenang. Dalam konteks ini, sifat manusia yang tidak sempurna dan tidak terlepas dalam melakukan dosa namun sekiranya orang tersebut mempunyai baik budinya dan keperibadian yang positif kepada orang sekeliling tidak mustahil hinggakan orang tersebut menemui ajal sekalipun kebajikannya yang akan sentiasa diingati dan disebut-sebut. Dalam konteks ini, berbuat baik adalah perkara yang sangat dituntut dan perlu diajarkan kepada kanak-kanak agar mereka terbiasa untuk melakukan kebaikan tanpa meminta ganjaran. Sifat tajamnya kait menunjukkan walaupun pernah melakukan kesalahan namun jangan lupa untuk menyebarkan kebaikan kepada orang lain.

Perlambangan makna dalam pantun di atas memberikan pencerahan kepada seseorang yang berbudi bahasa pasti akan sentiasa diingati walaupun perkara yang dilakukan itu dilihat sederhana namun perkara yang ditunjukkan memberikan kesan yang besar kepada sesiapa yang mengalaminya. Contohnya, sekiranya seseorang memerlukan satu sen untuk mencukupkan wang pembedahan, orang yang memberikan satu sen juga akan diingat kerana duit satu sen itu yang menentukan pembedahan itu boleh dilakukan segera ataupun tidak. Pemikiran kanak-kanak yang senang menyerap sesuatu yang dipelajari, sekiranya baik yang dilihat maka baik juga jadinya begitu juga sebaliknya. Elemen didaktisisme dalam pantun menerusi animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah*

Buku diharapkan memberikan impak kepada penonton untuk menjadi seorang manusia yang dapat memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Elemen didaktisme yang menunjukkan sifat peribadi seseorang juga melambangkan jati diri negara tersebut. Hal ini kerana sekiranya rakyat Malaysia mempunyai akhlak dan menjaga tata susila dengan baik maka orang luar juga akan memberikan tanggapan yang baik kepada negara Malaysia.

4.3 Kesimpulan

Aku Sebuah Buku dalam siri animasi *Upin dan Ipin* dilihat memaparkan elemen is yang sangat ketara yang tertumpu kepada pembentukan minda dan sifat anak-anak kecil yang baru belajar mengenal dunia untuk menerokai kehidupan menerusi karya sastera. Elemen didaktisme yang terdapat dalam siri animasi ini jelas dapat dilihat menggunakan teori Semiotik yang dikemukakan oleh Peirce yang menunjukkan secara terperinci perlambangan sesuatu perkara. Setiap perlambangan yang dikeluarkan mempunyai perkaitan dan makna yang tersendiri antara satu dengan lain. Melalui teori Semiotik ini juga dapat melihat elemen didaktisme dalam animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* dengan lebih jelas dan setiap mesej yang disampaikan akan lebih mudah untuk difahami setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, jelas dilihat menerusi penggunaan teori Semiotik Peirce mampu mengeluarkan elemen didaktisme dalam siri animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* dengan lebih terperinci dan mudah difahami oleh penonton khususnya untuk dijadikan pedoman hidup dan membuktikan karya sastera sentiasa bergerak seiring dengan peredaran zaman.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab penutup yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan mengenai topik permasalahan yang telah dipilih. Bab ini merungkaikan rumusan bagi setiap analisis dan perbincangan yang telah dijalankan pada bab sebelumnya. Bab ini juga memberikan pencerahan mengenai implikasi dan cadangan berkenaan kajian yang dijalankan untuk menyumbangkan sedikit idea kepada pengkaji lain yang bakal meneruskan kajian ini supaya kelompangan mengenai kajian ini dapat diisi pada masa yang akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi tempatan *Upin dan Ipin* dalam episod *Aku Sebuah Buku* dengan menggunakan teori Semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Peirce. Zaman ini merupakan zaman Pembangunan dan kemajuan teknologi yang pesat, dengan itu karya sastera juga haruslah bergerak seiring dengan perkembangan teknologi terkini agar tidak ketinggalan zaman dan menunjukkan kepentingan mempelajari sastera kepada masyarakat khususnya kanak-kanak. Dengan adanya kolaborasi teknologi dan sastera seperti yang terlihat pada animasi tempatan *Upin dan ipin* yang mengangkat elemen didaktisisme yang menjawab kepada objektif pertama yang merupakan unsur pengajaran yang terdapat dalam sesebuah karya sastera untuk memberikan pendidikan yang sudah jelas animasi ini tertumpu kepada kanak-kanak. Tontonan animasi ini bukan sahaja memberikan hiburan malahan

memberikan pendedahan awal mengenai sastera kepada kanak-kanak amat penting bagi memperlihatkan kepentingan menjaga dan memeliharanya agar tidak ditinggalkan begitu sahaja tanpa penerus akan datang. Perkembangan minda kanak-kanak yang tumbuh pesat seawal usia tiga tahun menunjukkan kepentingan memasukkan elemen didaktisisme dalam diri kanak-kanak sejak kecil lagi. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengisi kolompangan kajian lepas mengenai kepentingan sastera dalam bidang teknologi seperti animasi. Penggunaan teori Semiotik yang diperkenalkan Charles Peirce memberikan pemaknaan yang lebih terperinci mengenai elemen didaktisisme dalam animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Setiap perlambangan mempunyai makna yang tersendiri dan memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak mengenai kepentingan mempelajari sastera dalam kehidupan seharian mereka.

Objektif kedua kajian ini adalah menganalisis elemen didaktisisme dengan menggunakan teori Semiotik yang diasaskan oleh Charles Peirce pada tahun 1965, bertujuan untuk memberikan suatu pemaknaan yang logik berdasarkan tanda-tanda yang diberikan dalam sesebuah karya. Karya sastera perlu diteliti dan ditelusuri bagi memberikan pemaknaan yang sebenarnya mengenai karya tersebut kerana karya sastera ini mempunyai banyak lapisan makna untuk memahaminya. Teori Semiotik ini juga menekankan Semiotik merupakan sebuah ilmu mengenai sistem tanda dan proses yang dilakukan untuk menggunakan sesuatu tanda tersebut. Dengan melalui proses semiosis yang dibahagikan kepada tiga cabang iaitu *representament* (lambang), objek dan yang terakhir sekali *interpretant* (makna) menjadikan teori ini sesuai digunakan dalam kajian ini bagi melihat setiap elemen didaktisime dalam karya animasi tempatan untuk menilai elemen didaktisisme dalam episod tersebut. Teori ini dapat membantu menyelesaikan pemaknaan tanda dalam karya sastera kerana mempunyai konsep, prinsip dan cara penggunaan teori yang jelas dan menjadi salah satu teori yang kukuh untuk digunakan pada era pascamoden ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa teori Semiotik

dilihat sebagai satu teori yang kukuh untuk dijadikan panduan dalam kajian mengenai tanda khususnya dalam bidang sastera agar pemaknaan yang ditulis pengarang dapat disampaikan dengan lebih tepat dan terperinci. Keunggulan pengarangan dalam alam Melayu dapat dipelajari dan diterokai bersama agar memberi semangat kepada generasi akan datang mengenai kebijakan masyarakat Melayu mengenai sesuatu idea atau corak pemikiran mereka.

Berdasarkan penerangan di atas, dapat dilihat bahawa elemen didaktisisme yang dimasukkan dalam siri animasi tempatan ini memberikan pendedahan bukan sahaja kepada kanak-kanak malahan kepada penonton dewasa dan pengkaji lain untuk menjaga dan memelihara karya sastera agar tidak ditelan zaman. Kini, kanak-kanak disogokkan dengan pengaruh barat yang bertentangan dengan budaya Melayu yang mempunyai sopan santun dalam berbicara, adab yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian serta pemikiran dalam berkarya. Masyarakat sekarang lebih mengagungkan karya barat kerana lebih dipandang di mata dunia hinggakn terlupa menerokai karya tempatan yang juga tiada bandingnya dengan karya barat. Siri animasi ini membuka mata dan minda masyarakat untuk memandag sasatera dan watak orang Melayu iti sendiri dengan lebih serius kerana jikalau bukan kita yang mengangkatnya, siapa lagi yang akan memandangnya. Siri animasi ini menunjukkan bidang sastera masih lagi relevan dan akan kekal relevan hingga ke akhirnya kerana karya sastera ini yang akan mengangkat keaslian jati diri masyarakat Melayu di mata dunia.

Pengkaji juga melihat kepentingan penggiat sastera ini berjalan seiring dengan peredaran zaman. Masyarakat mempunyai stereotaip bahawa sastera ini tidak penting diterokai kerana merupakan perkara lama dan tidak mempunyai pembaharuan. Dengan keterlibatan sastera dalam animasi ini dapat menunjukkan sastera masih kekal utuh untuk dipertahankan pada masa akan datang. Animasi yang dihasilkan mencetuskan satu revolusi untuk mengangkat semula zaman kegemilangan penghasilan karya sastera supaya lebih unggul di persada antarabanagsa.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini menunjukkan keterlibatan karya sastera dalam pembangunan teknologi masa kini melalui media animasi iaitu *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Dalam mengejar kecanggihan teknologi, tidak dapat dinafikan karya-karya sastera lama akan semakin ketinggalan kerana kurangnya penglibatan secara langsung dalam bidang teknologi. Justeru, dengan memasukkan elemen didaktisisme dalam animasi tempatan sedikit sebanyak memberikan pendedahan dan idea baharu kepada penggiat seni khususnya dalam bidang animasi untuk mengangkat karya-karya sastera bagi dipertontonkan khalayak ramai bukan sahaja kepada penonton tempatan malahan kepada penonton antarabangsa. Animasi ini memberikan ruang kepada sastera untuk bergerak seiring dengan kemajuan teknologi sekaligus memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai pembawakan perwatakan masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang terkenal dengan kecerdasan dalam penghasilan karya-karya yang berkualiti tinggi. Bukan itu sahaja, kajian ini menunjukkan karya sastera bukan sahaja menghasilkan karya yang berunsurkan cerita rekaan semata-mata tetapi juga memberikan pemaknaan yang berguna untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Tidak salah jika menafsirkan karya sastera sebagai malar hijau yang sentiasa diingati masyarakat setempat agar tidak lupa akan asal-usul dan jati diri masyarakat Melayu itu sendiri.

Penggunaan bahasa yang tinggi dalam menyampaikan sesuatu makna perlu ditafsirkan menggunakan teori dan pengkaedahan yang tepat agar pemaknaan yang cuba disampaikan pengarang singgah di hati penonton. Penggunaan teori sebagai panduan dapat menyampaikan mesej yang ingin disampaikan lebih bermakna dan mengangkat mutu sesebuah karya itu sendiri. Pembentukan karakter dalam animasi juga penting untuk menyampaikan mesej yang diberikan, seperti yang diperlihatkan dalam animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku* yang telah menganimasikan watak Sasterawan Negara Zurinah Hassan sekaligus memberikan pandangan awal

dan menimbulkan tanda tanya untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sasterawan negara, karya yang dihasilkan dan kepentingan mempelajari sastera itu sendiri. Selain itu, penghasilan animasi ini juga dilihat memberi peluang kepada pengkaji lain untuk menerokai bidang sastera dalam animasi agar dapat menambah baik kajian berkaitan sastera supaya sastera kekal relevan di mata masyarakat dan seterusnya memperkenalkan Kembali kehebatan karya sastera tempatan kepada dunia.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Berdasarkan pengkajian dalam analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan ini, dapat diusulkan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pada masa akan datang agar kajian ini mempunyai nilai dan tempat untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran dan pembaikan. Seajar dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat ini, karya sastera perlu diberikan ruang dan peluang untuk menjadikannya kekal relevan pada masa yang akan mendatang. Nilai yang terdapat dalam karya dapat membina modal insan yang berguna dan mempunyai jati diri Melayu yang sebenar. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi membaiki diri, keluarga, masyarakat dan negara agar lebih memajukan karya sastera kepada generasi muda. Cadangan yang dibentangkan pengkaji adalah seperti berikut.

5.4.1 Orang Awam Memberikan Sokongan kepada Karya Sastera Animasi

Sedia maklum masyarakat tempatan mula terdedah dengan pengaruh barat selepas penjajah barat ke atas Tanah Melayu. Dari cara berpakaian hinggalah cara bergaul masyarakat masa kini dilihat lebih selesa untuk menjadikan budaya barat sebagai satu budaya yang penting dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini sedikit sebanyak menjejaskan penggiat seni tanah air khususnya golongan sastera yang bersungguh-sungguh mengembalikan elemen kemelayuan dalam diri

masyarakat tempatan khususnya yang berbangsa Melayu. Keagungan bangsa Melayu pada zaman kegemilangan Melaka menunjukkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang sangat kuat dan utuh sehingga diiktiraf sebagai pusat dagangan dunia dan Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa lingua franca pada abad ke-7 hingga ke-19.

Berdasarkan permasalahan di atas, pengkaji menyeru agar seluruh rakyat Malaysia bersatu untuk memberikan ruang dan peluang kepada karya sastera untuk diangkat semula dengan mempelajari karya sastera dengan lebih mendalam menerusi platform digital yang ada seperti ibu bapa mengajak anak-anak untuk menonton filem atau animasi yang berkaitan dengan sejarah dan kesusasteraan Melayu. Sekiranya ingin memberikan pandangan dan cadangan, berilah pandangan yang membina dan bukan menjatuhkan pengkarya tersebut. Hal ini dikhuatiri akan mematahkan semangat orang yang bersungguh ingin memeratakan semula karya sastera. Serta memberikan sinar cahaya kepada penggiat sastera untuk berkembang sejalan dengan peredaran zaman.

5.4.2 Peruntukan Khas dari Kerajaan kepada Penggiat Sastera Menceburi Bidang Animasi

Penghasilan animasi seperti yang semua ketahui mempunyai kos yang tinggi kerana pembuatannya yang menggunakan masa yang lama dan memerlukan kemahiran dan ketelitian dalam menghasilkannya. Kursus dan latihan yang dijalankan untuk menghasilkan sesebuah animasi memerlukan sumber kewangan yang mencukupi bagi menghasilkan animasi yang mantap dan disukai penonton. Penghasilan jalan cerita berdasarkan watak dalam animasi juga penting untuk menjadikan sesebuah penceritaan itu kelihatan menarik dan sekali gus menarik minat penonton tegar untuk sentiasa menonton animasi tersebut. Saluran yang tepat kepada penggiat sastera perlulah diberikan pendedahan agar tidak tersalah jalan dan membuang-buang waktu sepanjang proses pembuatannya.

Modal yang diperuntukkan oleh kerajaan khususnya kepada penggiat seni tempatan dalam bidang sastera sedikit sebanyak membangkit semangat mereka berkarya dalam bidang ini. Kursus-kursus yang dijalankan untuk memberikan pendedahan kepada masa hadapan sastera dalam bidang sastera amatlah penting bagi memberikan idea dan pengolahan dari karya sastera yang asli kepada animasi. Peruntukkan untuk menghasilkan animasi juga jelas diperlukan supaya tidak timbul isu kekurangan dana dan sebagainya. Kerajaan seharusnya lebih cakna mengenai masalah kekurangan modal ini kerana dengan kolaborasi antara sastera dan animasi ini sedikit sebanyak membantu rakyat mengenal jati diri mereka seterusnya memperkenalkan Malaysia di mata dunia dengan meletakkan elemen kebudayaan Malaysia di dalam animasi tempatan.

5.4.3 Karya Sastera sebagai Bahan Utama Penghasilan Karya Animasi

Kini, sekiranya ingin karya dikenali ramai perlulah mengikut rentak dan cara pemikiran barat dan ketimuran untuk melariskan karya mereka. Unsur dan ideologi yang dibawa oleh pengkarya luar telah memberikan impak yang kurang baik dalam pembentukan pemikiran khususnya kanak-kanak di Malaysia. Penayangan karya yang tidak menunjukkan jati diri masyarakat Melayu menjadikan mereka lupa akan identiti sebenar dan merasakan tidak sehebat bangsa lain di dunia ini. Namun hakikatnya bangsa Melayu juga mempunyai kekuatan dan keunggulannya terutama sekali pemikiran dalam kepengarangan.

Dengan itu, dicadangkan bahawa industri animasi seharusnya membuka mata untuk mencuba menghasilkan karya-karya yang berunsurkan sastera Melayu. Mengangkat karya asli sastera Melayu kepada masyarakat menjadikan penonton membuka minda dan pandangan tentang kehebatan bangsa sendiri. Pemikiran yang ditonjolkan dalam karya diubah dalam bentuk animasi menjadikan penonton lebih teruja untuk melihat karya tersebut dan sudah semestinya semangat

penonton untuk membawa anak-anak mereka merasai dan mengagumi karya tempatan akan berkobar-kobar. Contoh terdekat dalam filem animasi *Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal* yang mengangkat elemen didaktisisme dengan membawakan watak-watak dari cerita rakyat dalam bentuk animasi mendapat sambutan hangat dengan filem yang mencecah kutipan sebanyak RM 25 juta selepas 21 hari penayangan serta ditayangkan di beberapa buah negara Asia seperti Singapura dan Brunei. Penggiat animasi seharusnya menjadikan filem animasi ini sebagai contoh untuk memperbanyakkan hasil animasi berunsurkan sastera agar dapat menjana pendapatan sekali gus menaikkan nama Malaysia yang penuh dengan pemikiran yang tinggi kualitasnya.

5.4.4 Pengkaji Lain Memberikan Sumbangan Idea dalam Memajukan Bidang Sastera

Kajian pengkaji lain mengenai sesuatu bidang perlu diambil kira bagi mengisi setiap kelompangan yang ada dalam kajian terdahulu. Kajian lain memberikan panduan mengenai kepentingan untuk mengkaji sesebuah topik kerana sekiranya terdapat kajian yang sama dijalankan maka, tidak berlaku penambahbaikan dalam kajian tersebut. Pengkaji lain seharusnya lebih terbuka dan meluaskan skop kajian yang ada untuk memberikan cadangan penambahbaikan pada masa akan datang agar perkara tersebut tidak berulang lagi atau lebih baik memberikan cadangan yang bernas untuk dijadikan panduan pada masa akan datang. Kepentingan kajian lepas menjadikan sesebuah kajian itu perlu di pandang serius bukan sahaja dalam kalangan pengkaji malahan di peringkat lain seperti masyarakat dan kerajaan yang cakna mengenai isu berbangkit yang diutarakan pengkaji lain serta memberikan solusi yang terbaik untuk mengatasinya.

Dapat dilihat dengan jelas, peranan pengkaji lain dalam memberikan pendedahan dan usul yang ingin dikemukakan kepada individu yang mengkaji mengenai sesuatu topik, masyarakat dan negara untuk menjadikan kajian tersebut bukan sekadar angin lalu, namun diberikan perhatian

untuk membuat perubahan di masa akan datang agar permasalahan yang diutarakan tidak berulang kembali di masa akan datang. Pengkaji juga berharap mempunyai penerus untuk kajian ini diperhalusi agar setiap cadangan dapat di angkat ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya membaiki kelemahan yang ada dalam kajian ini.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, diharapkan agar kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada pengkaji lain di luar sana malahan kepada masyarakat serta pihak bertanggungjawab dalam mengusulkan cadangan penambahbaikan bidang sastera khususnya dalam menjadikannya seiring dengan peredaran zaman yang kian pesat pembangunan teknologinya. Setiap pemaknaan yang disampaikan pengkarya menjadikan bukti bahawa keunggulan pengkarya sastera dan kehebatan animasi dalam menghasilkan kolaborasi untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tempatan mengenai kepentingan menjaga dan memulihara karya sastera agar tidak ketinggalan zaman dan ingatan kepada masyarakat mengenai karya sastera merupakan satu pemikiran penulis tempatan yang bukan sahaja menceritakan mengenai kisah orang terdahulu tetapi juga pantas dijadikan pengajaran di masa akan datang bagi membentuk jati diri bangsa Melayu yang sebenar kepada generasi yang akan datang agar tidak hanyut ditelan arus pemodenan ini.

LAMPIRAN



Ilustrasi animasi Upin dan Ipin episod Aku Sebuah Buku



Potret Charles Sanders Peirce pelopor teori Semiotik Peirce

RUJUKAN

- Abdullah, F., & Ishak, M. S. A. (2010). Pembangunan sektor animasi di Malaysia: Pendidikan dan latihan animasi di institusi pengajian tinggi awam. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 69-82.
- Ahmad, H., & Osman, M. T. (2007). *Cerita Jenaka Melayu*. Yayasan Karyawan.
- Al Masithoh, S., & Rachmawati, K. (2021). Penafsiran ayat siang dan malam menurut Fakhruddin Al-Razy. *JADID: Journal of Quranic Studies and Islamic Communication*, 1(2), 151-163.
- Amalia, L. (2018). Unsur semiotik pada kumpulan puisi melihat *Api Bekerja* karya M. Aan Mansyur. *Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, dan Sastra Indonesia*. Universitas Majalengka, 2(2), 74-84.
- Andriana Ridho, M. (2019). Nilai-nilai pendidikan karakter peduli sosial dalam film animasi *Upin dan Ipin: Kedai makan Upin dan Ipin*. *QALAMUNA: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Agama*, 11(2), 173-182.
- Anggia, S., & Mahyuddin, N. (2020). Pengaruh penggunaan media film animasi *Upin dan Ipin* terhadap perilaku sosial anak di Taman kanak-kanak Aisyiyah Padang Panjang. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 4(1), 428-433.
- Arsyad, L., Akhmad, E., & Habibie, A. (2021). Membekali anak usia dini dengan pendidikan karakter: Analisis cerita film animasi *Upin dan Ipin*. *WASKITA: Jurnal Pendidikan Nilai dan Pembangunan Karakter*, 5(1), 59-71.
- Barker, T., & Beng, L. Y. (2017). Making creative industries policy. *Kajian Malaysia*, 35(2), 21-37.
- Basori, M. H. (2021). Representasi sifat manusia dalam karakter animasi studi analisis semiotika dalam film animasi: *The Angry Birds*. *MEDIAKOM*, 4(2), 101-113.
- Budiman, K. (1999). *Kosa Kata Semiotika*. Lembaga Kajian Islam dan Sosial (LKiS).
- Cambridge Dictionary*. (Edisi ketiga). (2008). Cambridge University Press.
- Cobley, Paul, Jansz, L. (1997). *Introducing semiotics, Victoria*. Mc Pherson's Printing Group.
- Daud, M. Z., Subet, M. F., & Pawi, A. A. A. (2021). *Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai* sebagai manifestasi kritikan dalam kancah politik tempatan: Analisis Pragmatik.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa Pustaka.
- Fitriyyah, D. (2023). Representasi keanekaragaman suku bangsa pada tokoh kartun *Upin Ipin*. *As-Sibyan: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 8(1), 41-54.
- G., T., Henry. (1986). *Pengajaran Pragmatik*. Angkasa. Bandung.
- Hasan, M., Zakaria, N., & Abdullah, N. (2019). Nilai Pendidikan dalam bahan pengajaran multimedia kartun animasi *Upin dan Ipin* untuk murid sekolah rendah. *International Journal*, 2(4), 12-23.

- Hayana, H. (2018). Pengaruh film animasi *Upin dan Ipin* terhadap pembentukan self-concept siswa di Sdn 5 Padang Lampe Kabupaten Pangkep. *KOMUNIDA: Media Komunikasi dan Dakwah*, 8(2), 257-276.
- Husniyah, N. I. (2017). Tantangan globalisasi pendidikan Islam. *AKADEMIKA*, 11(1), 78-91
- Irawan, Y., & Az-Zahra, N. H. (2020). Makna bunga mawar pada film *Beauty and The Beast* dalam bingkai teori semiotik Roland Barthes. *Kelasa*, 15(1), 1-14.
- Jaelani, M. (2020). Nilai-nilai pendidikan Islam dalam film animasi *Upin Dan Ipin: Journal of Islamic Education*, 4(1), 1-20.
- Jamian, A. R., Hashim, N., & Othman, S. (2016). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Juvtasari, P. B. (2020). Representasi perpustakaan dan pustakawan dalam filem serial animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Sebuah analisis semiotik. *Pustaka Karya: Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, 8(1), 22-33.
- Khodijah, S., Kamal, M., & Sahal, Y. (2020). Analisis nilai-nilai pendidikan Islam dalam filem serial anak *Upin & Ipin* season ke-10. *Tarbiyat Al-Aulad: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 4(1), 57-86.
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak *Upin dan Ipin*. *Journal of Education and Social Sciences*, 2(10), 137-149.
- Makhabbatillah, F. (2020). Analisis aktivitas perpustakaan dalam filem animasi *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku*. Semiotic Roland Barthes. (Disertasi Kedoktoran, State Islamic University Sunan Kalijaga, Indonesia).
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2001). Teori Semiotik: Tanda bahasa dan wacana Sastera. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 193-212.
- Miftakul, J. (2021). Analisis nilai karakter pada media film kartun *Upin Dan Ipin* (Disertasi kedoktoran, UIN Raden Intan Lampung).
- Mijan, R., & Abdullah, N. A. (2021). *The role of digital branding in enhancing the brand equity performance: A case study of Les' Copaque Production*. TC204-1
<http://www.cdr.uum.edu.my/jspui/handle/123456789/145>
- Mohamad Ali, A. Z. (2021). Ulasan buku: From mouse deer to mouse: 70 years of Malaysian animation oleh Hassan Abdul Muthalib, *Animation: An interdisciplinary journal*, 16(1-2), 96–101.
- Mohamad, A. (2015). Pengungkapan Keperibadian secara simbolik dalam dua novel Melayu, *PENDETA*, 6(1), 230–243.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi penyelidikan edisi ke-2*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohid, S. Z., Ramli, R., Rahman, K. A., & Shahabudin, N. N. (2018). Teknologi multimedia dalam pendidikan abad 21. In *5th International Research Management & Innovation Conference, Putrajaya, Malaysia*.
- Muhammad, N. H. (2015). Hubungan antara motif pencarian kepuasan, kualitas tayangan dengan tingkat kepuasan khalayak terhadap tayangan *Upin-Ipin* (Disertasi kedoktoran, Postgraduate Program in Communication Studies).
- Mukhdi, B. F. (2021). Efektivitas Ekstrak etanol daun bajakah kait-kait (*Uncaria Acida* (Hunt.) Roxb.) terhadap pertumbuhan bakteri salmonella paratyphi (Disertasi kedoktoran, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan Borneo Cendekia Medika Pangkalan Bun).
- Mustika, I., & Isnaini, H. (2021). Konsep cinta pada puisi-puisi karya Sapardi Djoko Damono: Analisis semiotika Charles Sanders Peirce. *Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Humaniora*, 6(1), 1-10.
- Nor, N. A. M., & Abdullah, N. A. V. (2020). Kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu. *Akademika, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 90(1), 25-37.
- Nurrachman, D. (2017). Teks Sastra dalam perspektif semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 14(1), 83-88.
- Panjaitan, N. Q., Yetti, E., & Nurani, Y. (2020). Pengaruh media pembelajaran digital animasi dan kepercayaan diri terhadap hasil belajar pendidikan agama islam anak. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 4(2), 588-596.
- Pasrah, R., Ganda, N., & Mulyadiprana, A. (2020). Nilai-nilai karakter yang terdapat dalam film animasi *Upin dan Ipin* Episod “*Jembatan Ilmu*”. *PEDADIDAKTIKA: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 7(3), 152-164.
- Pratiwi, A. G. (2017). Hubungan antara sikap terhadap tayangan *Upin Ipin* dan empati pada anak (Disertasi kedoktoran, University of Muhammadiyah Malang).
- Pujiati, T. (2015). Analisis semiotika struktural pada iklan top coffee. *Jurnal Sasindo Unpam*, 3(3), 1-22.
- Purnomo, F. S. (2016). Analisis nilai-nilai pendidikan karakter dalam film *Upin dan Ipin* produksi Les Copaque Tahun 2010. *Diksa: Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 142-149.
- Putri, Y. A., Syafwandi, M. S., & Trinanda, R. (2018). Analisis semiotika visual animasi *Upin & Ipin* Episod: *Ikhlas Dari Hati*. *DEKAVE: Jurnal Desain Komunikasi Visual*, 8(1).
- Rahayu, I. S. (2021). Analisis Kajian semiotika dalam puisi Chairil Anwar menggunakan Teori Charles Sanders Peirce. *Semiotika: Jurnal Komunikasi*, 15(1).
- Rahmawati, R., & Nurfauzizah, L. (2023). Pentingnya menentukan tujuan hidup untuk masa depan: Analisis singkat pemikiran Ali Zaenal Abidin. *Literaksi: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 1(2), 31-36.
- Ritonga, H. J. (2020). Manajemen waktu dalam Islam. *Al-Idarah: Jurnal Pengkajian Dakwah dan Manajemen*, 7(1).

- Safitri, S., Syafrial, S., & Elmustian, E. Nilai Religius dalam buku *Timbal Balik Antologi Gurindam. Jurnal Tuah: Pendidikan dan Pengajaran Bahasa*, 3(2), 171-178.
- Salmah Hj. Ayob. (1981). *Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya*. Universiti Sains Malaysia.
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Sains Humanika, Universiti Teknologi Malaysia*, 10(3), 01-07.
- Sartini, N. W. (2007). Tinjauan teoritik tentang semiotik. *Jurnal Unair: Masyarakat Kebudayaan dan Politik, Universiti Airlangga, Indonesia*, 20(1), 1-10.
- Sew, J. W. (2016). Analisis kajian sastera: Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. *Akademika, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 86(2), 53-63.
- Shuhaini, N. M., Saludin, M. R., & Wahid, A. (2017). Keupayaan pengurusan intelektualisme kanak-kanak dalam kekuasaan animasi *Upin dan Ipin*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12(1), 71-87.
- Teeuw, A. (1984). *Sastra dan ilmu Sastra: Pengantar teori sastra*. Dunia Pustaka Jaya.
- Tuan Yaakub, N. M. I. (2019). *Memperkasa bahasa dan sastera Melayu*. Universiti Utara Malaysia.
- Umar, R. S., Rahman, F. A., Mokhtar, F., & Alias, N. A. (2005). Menggunakan animasi di dalam instruksi khas untuk kanak-kanak disleksia. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 27-38.
- Yakin, H. S. M., & Totu, A. (2014). The semiotic perspectives of Peirce and Saussure: A brief comparative study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155(1), 4-8.
- Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). Keindahan simbol dan makna dalam pantang larang masyarakat Melayu. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(12), 01-12.
- Zoest, A. V. (1993). *Semiotika: Tentang tanda, cara kerjanya dan apa yang kita lakukan dengannya*. Yayasan Sumber Agung.